

**KAEDAH PENGURUSAN MUZIUM DIRAJA ISTANA
LAMA SERI MENANTI DI KUALA PILAH, NEGERI
SEMBILAN**

NUR ATIKAH BINTI SAID ISMAIL

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA

PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KAEDAH PENGURUSAN MUZIUM DIRAJA ISTANA LAMA SERI MENANTI DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

DISEDIAKAN OLEH:

NUR ATIKAH BINTI SAID ISMAIL

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh:

Nama:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipikan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah serta kurnianya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan sempurna pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuhi dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan. Saya juga melafazkan setinggi penghargaan serta ucapan terima kasih pada penyelia projek penyelidikan saya, Puan Nur Athmar Binti Hashim atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Seterusnya, saya ingin memberi sekalung penghargaan kepada seluruh kakitangan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan atas kerjasama dan ilmu yang dicurahkan kepada saya sepanjang saya berkunjung bagi menyiapkan tesis ini. Saya lebih memahami mengenai kajian yang saya lakukan kerana mereka sentiasa memberikan komitmen masa yang terbaik kepada saya. Pengetahuan yang lebih jelas diperoleh dalam mencapai objektif mengenai kajian yang saya jalankan.

Oleh itu, saya ingin mengucap ribuan terima kasih terutama pihak institusi kajian ini iaitu pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang ini kepada saya bagi menjalankan tesis ini serta membantu dari segi prosedur ketika melakukan kajian ini.

Tidak lupa kepada kedua ibu bapa saya iaitu Said Ismail bin Mohammad dan Ernie Shiham Binti Mohd Raply sentiasa memberi sokongan kepada saya dan banyak membantu saya dalam menghasilkan tesis ini. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan saya kerana bersama mengharungi cabaran dalam menyempurnakan tesis masing-masing serta saling membantu antara satu sama lain bagi usaha untuk melengkapkan kajian tesis.

Akhir kata, ribuan banyak terima kasih pada semua terlibat antara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya semasa kajian dijalankan. Semoga kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu memberikan pengetahuan yang berguna kepada masyarakat. Sekian sahaja daripada saya, Terima kasih.

Nur Atikah Binti Said Ismail

C18A0603

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	iv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kajian Terdahulu	5
1.3 Latar Belakang Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Permasalahan Kajian	11
1.7 Lokasi Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Skop Kajian	17
1.10 Struktur Tesis	20
1.10.1 Bab 1 Pendahuluan	22
1.10.2 Bab 2 Kajian Literatur	

1.10.3 Bab 3 Metodologi Kajian	
1.10.4 Bab 4 Analisis Data	
1.10.5 Bab 5 Kesimpulan	
1.11 Penutup	
BAB 2 PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM	
2.1 Pengenalan	26
2.2 Definisi Muzium	27
2.3 Fungsi Muzium	30
2.4 Definisi Pengurusan Koleksi	36
2.5 Prosedur Penjagaan Koleksi	38
2.6 Pengertian Warisan	39
2.7 Pemeliharaan	40
2.8 Pemeliharaan Koleksi	41
2.9 Pemeliharaan Bangunan Warisan	42
2.10 Rumusan Bab	43
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	43
3.2 Metodologi Kajian	43
3.2.1 Data Primer	44
3.2.2 Data Sekunder	45
3.3 Carta Alir Proses Kajian	46
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	48

3.4.1 Instrumen Kajian	48
3.4.1.1 Temu Bual	
3.4.1.1.1 Jenis Temu Bual yang Digunakan	
3.4.1.1.2 Proses Temu Bual	
3.5.1.2 Pemerhatian	
3.5.1.2.1 <i>Direct Observation</i>	
3.5.1.2.2 Proses Pemerhatian	
3.5.1.2.3 Kaedah Analisis Dokumen	
3.5 Analisis Data	55
3.6 Rumusan Bab	57
 BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	58
4.2 Analisis Demografi	59
4.3 Sejarah Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti	60
4.4 Kaedah Pengurusan Yang Digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti	67
4.4.1 Perancangan (Planning)	
4.4.2 Pengorganisasian (Organizing)	
4.4.3 Kepimpinan (Leading)	
4.4.4 Kawalan (Controlling)	

4.5 Kaedah Pengurusan Koleksi Yang Dijalankan oleh Muzium Diraja Seri Menanti	70
4.5.1 Perolehan Koleksi	
4.5.2 Jenis Penstoran Yang Sesuai	
4.5.3 Penetapan Suhu Dan Kelembapan Yang Tepat	
4.5.4 Penggunaan Cahaya Yang Minimum	
4.6 Cadangan Kaedah Penjagaan dan Pemeliharaan Yang Sesuai di Muzium Diraja Seri Menanti	76
4.7 Rumusan Bab	78
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	79
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1	80
5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2	81
5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3	81
5.3 Cadangan Kajian	83
5.4 Rumusan Bab	86
RUJUKAN	89
CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN	94

SENARAI RAJAH

NO.	MUKA SURAT
Rajah 1.1: Hadapan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti	8
Rajah 1.2: Sisi Muzium Diraja Seri Menanti	8
Rajah 1.3: Pandangan Aras Bumbung	9
Rajah 1.4: Peta Kawasan Kajian	13
Rajah 1.5: Muzium Diraja Seri Menanti	14
Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian	54
Rajah 3.2: Carta Alir Proses Kajian	58
Rajah 3.3: Carta Alir Instrumen Kajian	59
Rajah 3.4: Temu Bual Bersama Kurator Muzium Diraja Seri Menanti	61
Rajah 3.5: Carta Alir Proses Temu Bual	62
Rajah 3.6: Proses awal berhubung dengan Pihak Muzium	63
Rajah 3.7: Kajian Lapangan di Kawasan Kajian	65
Rajah 3.8: Kajian Lapangan di Kawasan Kajian	65
Rajah 3.9: Kajian Lapangan di Kawasan Kajian	65
Rajah 3.10: Proses Pemerhatian	66
Rajah 3.11: Kaedah Analisis Data	67
Rajah 3.12: Senarai Responden Muzium Diraja Seri Menanti	68
Rajah 4.1 : Pengkaji Bersama Kurator di Muzium	71
Rajah 4.2: Istana Lama Seri Menanti sebelum dijadikan Muzium Diraja	72
Rajah 4.3: Taburan <i>Neobalanocarpus heimi</i> (Cengal) di Semenanjung Malaysia	73
Rajah 4.4: Pelan Menegak Istana Lama Seri Menanti	74
Rajah 4.5: Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan	75
Rajah 4.6: Ukiran Kayu Makhluq Mitos di Alang Istana	76

Rajah 4.7: Pelan Tingkat Pertama menunjukkan simetri dan keseimbangan	76
Rajah 4.8: Ruang Pameran Muzium Diraja Seri Menanti	82
Rajah 4.9: Penghawa Dingin di bilik koleksi barangan diraja	83
Rajah 4.10: Pencahayaan yang terdapat pada Muzium	84
Rajah 4.11: Pameran Koleksi Terbuka	86



**KAEDAH PENGURUSAN MUZIUM DIRAJA ISTANA LAMA SERI MENANTI DI
KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai kaedah pengurusan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Penjagaan dan pengurusan terhadap muzium dan koleksi perlu sentiasa dititikberatkan agar setiap koleksi diraja dapat dipelihara dan diberikan penambahbaikan agar dapat dijadikan tatapan kepada generasi yang akan datang. Muzium merupakan cerminan kepada masyarakat untuk memahami serta mendalami apa yang berlaku pada zaman dahulu. Oleh itu, pemeliharaan sebuah institusi yang berkaitan dengan budaya warisan di sesuatu tempat perlu dilakukan dengan sebaiknya agar dapat oleh generasi akan datang. Berdasarkan bukti pemerhatian, temu bual, dan kajian lepas yang dijalankan, tesis ini akan menerangkan tentang bidang konservasi koleksi dalam pengurusan muzium dan pangurusan koleksi yang betul bagi memelihara koleksi untuk pameran diraja yang terdapat di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti.

Kata kunci : *pengurusan, penjagaan, memelihara, koleksi, Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti*

**MANAGEMENT METHODS OF THE ROYAL MUSEUM IN KUALA PILAH,
NEGERI SEMBILAN**

ABSTRACT

This research discusses the management method of the Royal Muzeum of Istana Lama Seri Menanti in Kuala Pilah, Negeri Sembilan. The care and management of museum and collections should always be emphasized so that each royal collection can be preserved and given improvements so that it can be used as a gaze for future generations. The museum is a reflection to the community to understand and deepen what happened in the past. Therefore, the preservation of an institution related to heritage culture in a place must be done properly so that it can be seen to future generations. Based on the evidence of observations, interviews, and previous studies conducted, this thesis will explain about the field of collection conservation in museum management to preserve collections for royal exhibitions available at the Royal Museum of Istana Lama Seri Menanti.

Keywords: management, safeguarding, preservation, collection, Royal Museum Istana Lama Seri Menanti

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Berdasarkan kajian dalam peringkat ijazah sarjana muda ini, tajuk yang difokuskan ialah konservasi koleksi iaitu merujuk kepada konservasi terhadap pengurusan penjagaan terhadap sesuatu koleksi di Muzium Diraja Seri Menanti. Kajian melibatkan artifak atau koleksi serta pencarian maklumat yang berkaitan kaedah pengurusan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Selain itu, kajian ini juga melibatkan proses-proses mendapatkan kepentingan sejarah serta kaedah pengurusan dan pemeliharaan Muzium Diraja yang telah dijalankan. Oleh sebab itu, kajian ini telah sedikit sebanyak memberi penyumbang dalam penyelidikan ini. Pada bab pertama ini, pengkaji telah membentangkan beberapa subtopik yang berkaitan iaitu kajian terdahulu, latar belakang objektif kajian, persoalan, permasalahan, lokasi, kepentingan kajian dan skop kajian.

Dalam bidang konservasi ini terdapat pelbagai kaedah untuk menjaga jangka hayat sesuatu artifak atau koleksi. Bagi konservasi koleksi ini, pengurusan penjagaan artifak atau koleksi adalah salah satu kaedah dalam memelihara barangan yang mempunyai nilai sesuatu warisan atau sejarah yang tersendiri bagi menjaga kualiti sesuatu artifak. Pengurusan artifak atau koleksi penting dalam sesebuah muzium kerana adanya pengurusan, penyusunan serta penyimpanan artifak mengikut klasifikasi yang betul. Ia memudahkan kerja sekaligus dapat menjaga jangka hayat sesuatu artifak dengan baik.

Muzium adalah sebuah institusi yang telah menyimpan serta mempamerkan segala jenis artifak yang mempunyai pelbagai sejarah serta budaya yang tersendiri dan bukti peninggalan pada zaman dahulu lagi. Muzium juga diwujudkan bagi tujuan pembelajaran pendidikan dan hiburan. Menurut Anne Fahy (1995), muzium bermaksud sebagai “an

institution which collects, documents, preserves, exhibits and interprets material evidence and associated information for the public benefit.” Selain itu, ia diwujudkan untuk memberikan generasi muda menginterpretasikan tentang sejarah yang berlaku di negara ini. Penjagaan atau pemeliharaan artifak tersebut merupakan tanggungjawab yang perlu digalas oleh muzium atau galeri yang terdapat di Malaysia. Menurut *International Council on Monuments and Sites* (n.d.) Muzium merupakan satu institusi yang bersifat tetap, memberi perkhidmatan kepada masyarakat, tidak mempunyai niat untuk mencari keuntungan, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan koleksi atau artifak warisan untuk dijadikan sebagai tujuan pendidikan, hiburan, serta bukti-bukti tinggalan manusia zaman dahulu dan persekitarannya. Galeri pula bermaksud sesebuah bangunan atau ruang yang mempamerkan sesuatu karya khusus (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017) Muzium juga merupakan salah sebuah tempat tarikan pelancongan dan secara tidak langsung ia juga meningkatkan ekonomi sebuah negara.

Pemeliharaan merupakan proses atau usaha seseorang untuk menghalang kerosakan koleksi atau artifak yang berpunca kepada persekitaran seperti suhu, cahaya, kelembapan, makhluk perosak, dan bencana alam. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), pemeliharaan membawa maksud kepada suatu perbuatan atau hal memelihara, penjagaan, dan pembelaan. Pemilihan dibuat bagi menjalankan kaedah penjagaan dan pemeliharaan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti. Hal ini jelas menunjukkan kajian pemeliharaan dilakukan supaya kaedah pengurusan di Muzium dapat dipertingkatkan terutama di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti dan dapat dipanjangkan untuk tatapan generasi akan datang dari segi pendidikan seperti pengetahuan asas mengenai perkembangan, kebudayaan dan sejarah Muzium.

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan terhadap kaedah dan pengurusan pemuziuman yang digunakan di Muzium Diraja atau lebih dikenali sebagai Muzium Diraja

Istana Lama Seri Menanti yang terletak di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Muzium ini berfungsi untuk mengumpul, memelihara dan mempamerkan koleksi serta memaparkan koleksi daripada milik Diraja Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan, istana diraja Melayu tradisional yang paling awal dikenali ialah Istana Barong-Barong yang terletak di Ampang Tinggi (Raja Shahminan,2010). Istana Pulih kemudiannya dibina pada zaman pemerintahan Yamtuan Antah (1875-1888) tetapi telah dibakar oleh tentera British semasa Perang Bukit Putus pada tahun 1875 (Sheppard, 1969). Istana Baroh kemudiannya dibina untuk menggantikan istana istana yang terbakar dan digunakan sebagai istana kediaman kerabat diraja (Raja Shahminan,2010; Saw & Raja Barizan,1991). Pada tahun 1902, Tuanku Muhammad yang merupakan Yang Dipertuan ke-7 Besar Negeri Sembilan mengarahkan pembinaan istana baru di Seri Menanti sebagai istana kediaman baharu (Muhammad,2011). Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti ini sangat penting kepada masyarakat untuk mengetahui tentang perkembangan dalam institusi Diraja dan adat istiadat yang ada di Negeri Sembilan. Muzium ini juga mempunyai fungsi tersendiri dalam menyampaikan info kepada golongan masyarakat dalam memelihara khazanah diraja Negeri Sembilan. Antara pameran koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja ini adalah pelbagai barang milik Yamtuan, seperti gambar, artifak, barangan dan sebagainya.

Setiap muzium mempunyai cara tersendiri dalam menguruskan sesuatu artifak dan koleksi yang terdapat di dalam muzium tersebut supaya tidak mudah rosak. Pengurusan artifak perlulah sentiasa dipantau dan diuruskan dengan baik agar sesuatu artifak tidak mudah rosak, hilang dan sebagainya. Justeru, tanpa pengurusan artifak yang betul dan sistematik, ianya dapat memberikan kesan yang buruk kepada sesuatu artifak dalam jangka masa yang panjang, malah menjadikan sesuatu artifak yang terdapat dalam muzium itu mudah rosak dan musnah. Jika artifak itu rosak sudah pasti nilai sejarah yang ada pada artifak tersebut turut luntur dan jika

artifak musnah maka generasi yang akan datang tidak dapat mengenali artifak dan koleksi diraja yang terdapat di muzium tersebut.

1.2 Kajian Terdahulu

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan antara kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk konservasi muzium melibatkan kerja-kerja pemeliharaan muzium diraja. Melalui kajian terdahulu ini ia mampu dijadikan sebagai sumber rujukan untuk pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Selain itu, tujuan kajian terdahulu ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai latar belakang melibatkan tajuk kajian kepada pengkaji. Secara tidak langsung, kajian terdahulu ini mampu menjadi sumber asas pengetahuan dan melancarkan perjalanan sepanjang penyelidikan dijalankan.

Pengkajian telah menggariskan beberapa kajian terdahulu mengenai muzium diraja. Kajian lepas atau literatur biasanya dilakukan melalui bahan rujukan yang bercetak iaitu artikel, buku, tesis, serta surat khabar, jurnal dan kenyataan dari seseorang pakar. Selain itu, kajian lepas dilakukan melalui bahan media elektronik seperti laman web menggunakan rangkaian daripada internet. Terdapat beberapa kajian yang lepas digunakan pengkaji yang melibatkan kajian literatur berkaitan tajuk kajian tentang maklumat yang diperolehi merangkumi koleksi-koleksi yang terdapat di dalam Muzium Diraja Seri Menanti seperti ruangan balairong seri, balai raja muda, serta bilik beradu diraja, ruang santapan dan barangan lain telah diperolehi oleh Yang Di-Pertuan Negeri Sembilan. Istana ini mempunyai empat tingkat. Istana juga mempunyai sebanyak 99 batang kayu tiang termasuk empat batang dari tiang seri yang panjang sebanyak 67 kaki. Oleh itu, keempat-empat batang tiang ini daripada Bukit Pergai, Jelebu. Kayu yang lain pula diambil daripada Bukit Tinggi sejenis jenis kayu penak. Justeru, Keunikan bangunan Istana ini kerana tidak menggunakan paku besi dan telah menarik perhatian ramai

kerana pakunya telah diperbuat dari kayu dan juga dikenali sebagai pasak. Istana digunakan bagi upacara menghadap telah diadakan selama tiga tahun sekali. Tambahan pula, ramai pengunjung yang datang ke Muzium Diraja untuk melihat monument serta koleksi-koleksi serta membaca sejarah di sebalik Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Menurut sepasukan penyelidik daripada Pusat Penyelidikan Manuskrip Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) 31 Mei 2013, menjelaskan peranan utama istana berfungsi sebagai Muzium yang mana ia dapat menyebarkan maklumat melalui aktiviti penyelidikan masyarakat. Pelbagai koleksi yang disimpan di Muzium dijadikan pameran kepada generasi akan datang. Seterusnya, berkaitan pengurusan koleksi juga adalah sesuatu yang penting terutamanya kepada individu-individu yang meminati berkaitan pemuziuman. Buktinya, berdasarkan kajian sorotan lepas penyelidik-penyelidik yang terdahulu ada menyatakan bahawa koleksi dalam muzium adalah elemen yang harus dipelihara agar tidak pupus dan ditelan zaman kerana ianya sukar untuk diperoleh (Nur Ain Nazihah Binti Hamzah, 2018). Menurutny lagi, koleksi dalam muzium adalah sesuatu yang berharga dan orang ramai bukan sahaja kakitangan-kakitangan muzium bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara khazanah negara ini. Oleh itu, kajian ke atas pengurusan koleksi ini dibuat amat perlu bertujuan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan cara yang berkesan untuk mengendalikan tinggalan bersejarah.

Di samping itu, Muzium secara am serta muzium diraja perlulah menonjol terutama kepada para pengunjung dan kenapa institusi beraja ini perlu dimartabatkan dan dipertahankan terutama Malaysia. Bagi pandangan penulis Firdaus Haji Abdullah mengenai kenapa institusi beraja ini perlu dipertahankan terutama di Malaysia, bagi beliau, walau sistem diraja Melayu sering dikenakan sebagai sistem monarki yang out of dated, tetapi ia banyak membantu dalam mempertahankan sebuah kedaulatan Melayu-Islam serta ada lima alasan sistem diraja Melayu dipertahankan sehingga kini (Firdaus Abdullah, 2017).

Projek tentang pemuliharaan dalam bangunan warisan adalah satu satu langkah bagi pemuliharaan khazanah di sebuah negara. Kaedah pemuliharaan yang dijalankan ini mengakibatkan sebuah bangunan warisan akan mudah berlaku kerosakan serta kemusnahan. Antara masalah yang dapat adalah sebuah kesan bagi projek mengenai pemuliharaan dalam muzium diraja kerana kurangnya sambutan dari orang ramai akibat faktor kurang tenaga pakar, serta kesukaran bagi mendapatkan alatan bahan ganti dengan mudah dan kurang sumber dari bahan rujukan serta dokumentasi yang asal. Justeru, masalah ini juga masih kurang mendapat sambutan orang ramai terutama dari pihak terlibat dan bertanggungjawab. Oleh sebab itu, kajian ini dapat mengetahui beberapa masalah yang telah didapati dan terdapat projek pemuliharaan di bangunan Istana Lama Seri Menanti yang telah dilakukan dan proses pemuliharaan yang digunakan bagi memberi kesan kepada Istana Lama Sri Menanti (Md.Asrul Nasid Masrom & Zulhaida Abdul Kadir, 2020).

Disamping itu, Tiang seri adalah elemen seni bina yang penting dalam memastikan kekukuhan keseluruhan struktur. Kaedah yang digunakan untuk memeriksa ialah dengan mengetuk tiang seri di mana seorang perlu memeluk dan melekapkan telinga dengan rapat kepada tiang seri manakala seorang lagi mengetuk tiang seri mengikut rentak dan bilangan ditentukan. Ini juga menyebabkan berlakunya cabaran semasa pemuliharaan tiang Seri Istana Menanti dilakukan dan solusi terbaik adalah menguji menggunakan kaedah kejuruteraan moden (Ro Mahwati Ahmad Zakaria,2015)

Fasa pertama telah dinaik taraf Istana Lama Seri Menanti sehingga selesai. Usia muzium sudah mencecah ratusan tahun itu, sekali gus perlu dikekalkan dan sentiasa dijaga terutama ia juga telah menyimpan serta mempamerkan semua artifak termasuklah koleksi dari institusi pemerintahan diraja di Negeri Sembilan. Kerja-kerja konservasi membaik pulih penggantian empat batang tiang seri, membabitkan pemotongan dan telah mengalami beberapa kerosakan serta penggantian pada bumbung kayu belian yang berada di tingkat empat dan juga

komponen yang ada. Manakala fasa kedua pula untuk naik taraf Istana Seri Menanti sedang menunggu peruntukan (Assan, 2019)

1.3 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan adalah berkisarkan tentang kaedah pengurusan Muzium yang mana bertumpu kepada Muzium Diraja Seri Menanti. Muzium Diraja Seri Menanti tersebut berlokasi di Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Muzium tersebut yang terselindung di belakang Istana Diraja Negeri Sembilan berada dalam keadaan terjaga tetapi ia tidak mendapat sambutan perhatian orang ramai kerana terlalu dalam dan jauh dari jalan utama. Menyedari hal ini, muzium tersebut perlunya diambil perhatian dan kerja-kerja untuk pemeliharaan diperlukan agar ia tidak disia-siakan begitu sahaja. Muzium Diraja yang sebegitu besar dan mempunyai pelbagai pengaruh seni bina yang menarik mungkin melambangkan raja-raja Negeri Sembilan pada waktu itu telah dipandang tinggi di kalangan rakyat tempatan. Pelbagai struktur seni binaan yang dilihat mempunyai beberapa karakter identiti tersendiri yang dipengaruhi dari pengaruh binaan sewaktu pembinaan pada masa dahulu.

Istana lama Seri Menanti merupakan istana unik kerana ia diperbuat dari kayu. Istana ini pernah digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan digunakan sebagai Sekolah Menengah Agama Tinggi pada tahun 1959 sehingga tahun 1964. Seterusnya, istana ini telah dibiarkan kosong dan tanpa berpenghuni sehingga tahun 1992, Dengan atas kesedaran DYMM Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Istana telah rasminya diwartakan sebagai sebuah “Muzium Diraja”. Justeru, Perasmianya dilakukan pada 14 Julai 1992 bersama 14 Muharram 1413 Hijrah. Oleh itu, pengurusan dari pihak Muzium Diraja adalah di bawah pentadbiran Muzium Negeri di Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti telah bertukar dalam mempamer semua koleksi warisan keluarga Diraja.

Semua ruangan diisi tanpa mengubah sebarang bentuk asal ruangan istana agar dapat menerangkan pelbagai kegunaan setiap ruangan. Penambahan bahan koleksi di Muzium akan dilakukan dari masa ke semasa melalui kerjasama dari pihak muzium serta pihak istana

Istana lama Seri Menanti ini terkenal sejak zaman dahulu lagi memandangkan institusi diraja diamalkan sejak zaman dahulu lagi sehingga kini. Namun istana lama diraja kurang digunakan dan juga golongan diraja telah beralih kepada istana baru bagi tujuan pemeliharaan istana lama. Hal ini demikian terdapat beberapa faktor-faktor tertentu sehingga menyebabkan keadaan tersebut berlaku. Antaranya ialah bagi memelihara struktur binaan istana lama agar dapat dikekalkan seperti keadaan asal dan khazanah diraja pada zaman dahulu dapat menjadi tontonan orang ramai.

Menyedari hal ini, warisan istana lama diraja tersebut perlu diambil berat dan kerja pemeliharaan diperlukan supaya warisan ini tidak akan disia-siakan. Struktur binaan Muzium istana lama diraja ini juga mempunyai keunikan tersendiri mengikut kepada jenis kayu yang digunakan. Penghasilan istana lama ini mempunyai keunikan dan kelainan dari segi pembuatan ini sangat istimewa sehingga mampu mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Kebangsaan daripada Jabatan Warisan Negara di bawah kategori bangunan. Pembuatan istana lama menggunakan kayu cengal membuatkan penghasilan sesebuah istana lama adalah sangat kukuh dengan ketinggian empat tingkat dan mempunyai sebanyak 99 batang tiang yang menggunakan salah satu kayu yang kukuh iaitu kayu cengal termasuklah empat batang kayu tiang seri yang panjangnya sebanyak 67 kaki dan mampu bertahan sehingga kini dan juga antara faktor yang menjadikan ianya dipandang tinggi sehingga mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Record (MBOR) iaitu istana kayu yang tertinggi dan dibina tanpa sebatang kayu.

Bagi pengkaji, Muzium Istana Lama Seri Menanti ini sangat sesuai untuk dijadikan produk pelancongan seperti sebuah muzium diraja khas yang memaparkan tokoh-tokoh raja Negeri

Sembilan yang terdahulu dan barangan serta alat-alat diraja untuk menarik pelancong-pelancong dari dalam negara mahupun luar negara. Bagi menarik lagi, pengaruh seni bina muziumnya yang unik dapat menarik kunjungan orang ramai pada hari ini. Mereka perlu datang ke Muzium Istana Lama Diraja dan melihat sendiri secara nyata keunikan muzium diraja yang dihasilkan. Muzium Diraja Seri Menanti ini bukan sahaja mempunyai sejarah mengenai penubuhannya pada masyarakat sejak zaman dahulu. Namun, ianya juga perlu dipandang dari segi keunikan penghasilan Muzium Istana Lama Seri Menanti yang mempunyai cara dan identiti tersendiri. Oleh itu, pengkaji berminat untuk memartabatkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Istana Lama Seri Menanti ini yang kian dilupakan masyarakat sekarang.



Rajah 1.1: Hadapan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 2 April 2020).



Rajah 1.2: Sisi Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti.

(Sumber: Rakaman foto di kajian lapangan, 2 April 2020).



Rajah 1.3: Pandangan Aras Bumbung Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti.

(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 4 April 2020).

Rajah 1.1, Rajah 1.2 dan Rajah 1.3 merupakan sekitar kawasan Muzium Istana Lama Diraja Seri Menanti yang dirakam oleh pengkaji semasa melakukan kajian lapangan di kawasan kajian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan salah satu keperluan dalam penyelidikan bagi memastikan kajian penyelidik ini mencapai tujuan sebenar. Objektif dalam kajian ini adalah:

- 1.4.1 Mengetahui sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.4.2 Mengenalpasti kaedah pengurusan yang digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.4.3 Mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan merujuk kepada beberapa objektif yang ditetapkan oleh penyelidik. Persoalan kajian adalah:

- 1.5.1 Apakah sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 1.5.2 Apakah kaedah pengurusan yang digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 1.5.3 Apakah kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai digunakan di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini?

1.6 Permasalahan Kajian

Pemmasalahan kajian adalah menerangkan terutama mengenai tentang isu serta masalah yang telah dikaji di dalam tesis ini. Ini merupakan bahagian penting di dalam tesis yang akan dijalankan. Bahagian ini, menjadi kesediaan penyelidik bagi mempertahankan semua isu dan masalah yang telah dikaji. Oleh sebab itu, semua permasalahan yang dianalisis serta diselidik oleh penyelidik akan dapat diterangkan secara lebih mendalam lagi kenapa kajian yang berkenaan dijalankan. Permasalahan kajian juga diperolehi dari pembacaan, pemerhatian serta temu bual yang telah dijalankan. Justeru, bahagian ini telah diperolehi daripada kaedah penelitian dokumen serta kajian terdahulu yang berkaitan dengan objektif yang telah dicapai serta rujukan.

Antara masalah pertama dikenal pasti dalam melengkapkan kajian ini adalah perekodan muzium tidak lengkap seperti pemerolehan khazanah diraja di muzium tidak lengkap dan menyeluruh serta tiadanya data atau sebuah kajian rasmi yang boleh menyatakan kewujudan dan sejarah penubuhan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan. Kebanyakannya masalah yang dihadapi oleh penyelidik dalam membuat kajian ialah pengambilan data yang kurang. Ketiadaan maklumat yang penting ini telah menyebabkan berlakunya kesukaran dalam mendapatkan data serta maklumat yang lebih tepat mengenai Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti yang mampu dijadikan sebagai sebuah rujukan bagi menjalankan kajian ini. Satu cabaran yang bakal dihadapi oleh penyelidik bagi menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan sedemikian oleh penyelidik sebelum ini yang telah melakukan kajian di situ ada mengatakan bahawa terdapat segelintir muzium yang tidak lengkap data koleksi mereka terutamanya melibatkan pendokumentasian. Kata mereka lagi, koleksi yang diterima oleh muzium juga amat terhad kerana beberapa faktor (Siti Norakhma, 2015).


Masalah kedua yang terdapat dalam kajian ini adalah kurang sambutan dari perhatian ramai kerana kurangnya tenaga pakar, serta kesukaran dalam mendapatkan alatan ganti serta kurang sumber bahan rujukan dari dokumentasi yang asal. Oleh itu, masalah ini telah kurang mendapat beberapa perhatian terutama dari pihak terlibat, Justeru, tesis ini dapat mengenalpasti beberapa masalah yang telah berlaku semasa projek pemuliharaan pada bangunan Istana Lama Seri Menanti dilakukan serta proses pemuliharaan yang telah digunakan sehingga memberi kesan terhadap struktur bangunan Istana Lama Sri Menanti . Kajian ini juga gunakan beberapa kaedah dalam temubual yang melibatkan antara secara langsung oleh empat orang pihak yang telah terlibat terutama dalam projek pemuliharaan bangunan Istana Lama Sri Menanti iaitu, beberapa pihak pengurusan Istana Lama Seri Menanti, beberapa kontraktor dan dua orang konsultan yang merupakan selaku penasihat bagi projek dari Universiti Teknologi Mara (Md.Asrul Nasid Masrom & Zulhaida Abdul Kadir, 2020).

Akhir sekali, adalah berkaitan dengan kajian dalam menjalankan beberapa kaedah yang kena dilakukan untuk memelihara serta memulihara Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian ini dijalankan agar dapat mengetahui beberapa kaedah dan langkah yang wajar digunakan sewaktu pemuliharaan muzium diraja dijalankan. Kaedah serta langkah yang telah diguna diharapkan dapat memastikan muzium diraja ini boleh dikekalkan dan dipelihara di negeri Sembilan.

1.7 Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang akan dijalankan adalah di Kuala Pilah yang berada di Negeri Sembilan. Kawasan kajian merupakan antara bandar Diraja disebabkan terletaknya sebuah Istana Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Jarak lokasi dari kota Seremban dalam sekitar 40 km dan 15 km daripada pekan Kuala Pilah. Kawasan kajian terletak di bahagian tengah Negeri Sembilan iaitu antara daerah Bahau dan daerah Seremban yang juga dikenali sebagai “pekan kecil” dan keluasannya sepanjang 109,039.58 hektar. Lokasi ini sememangnya terkenal daripada zaman dahulu lagi melibatkan muzium Diraja lama tradisional . Hal ini demikian kerana lokasi Kuala Pilah adalah lokasi terawal yang menjadi tempat tinggal Diraja, tempat bersemayam dan mempunyai khazanah diraja.

Selain itu, muzium diraja juga penting kerana merupakan istana lama yang digunakan raja pada zaman dahulu untuk bersemayam, tempat tinggal kerabat diraja serta mempunyai khazanah lama Diraja. Rajah 1.3 di bawah menunjukkan lokasi Muzium Diraja Seri Menanti yang terletak berhampiran pekan Kuala Pilah di Negeri Sembilan.



Rajah 1.4: Peta Kawasan Kajian.

Sumber:

<https://images.app.goo.gl/inSTqYDZBWK9GYTo8>

Muzium Diraja Seri Menanti merupakan muzium yang mempamerkan khazanah-khazanah Diraja dan kesemua koleksi tersebut diserahkan kepada pihak muzium untuk tujuan penyimpanan dan pameran kepada masyarakat luar. Khazanah disimpan untuk dijadikan barang pameran diraja dan juga dapat mengekalkan koleksi barangan diraja bersejarah daripada terus lupus dan tidak dapat menjadi bahan rujukan atau tontonan kepada para masyarakat serta generasi akan datang.



Rajah 1.5 : Muzium Diraja Seri Menanti

Sumber :

<http://malaycivilization.blogspot.com/2013/09/kajian-penyelidikan-dan-penelitian.html>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian penyelidikan dijalankan oleh pengkaji bagi mengemaskini kaedah pemeliharaan yang dilakukan ke atas *Muzium Diraja Seri Menanti*. Pengkajian ini bertujuan untuk mengetahui status terkini pemeliharaan *Muzium Diraja* bagi memastikan warisan diraja berada dalam keadaan yang baik. Kepentingan kajian ini diharapkan dapat memberi input tentang Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji ingin memberikan manfaat kepada beberapa kumpulan fokus yang terdiri daripada pelbagai pihak. Kajian dijalankan bagi meningkatkan kesedaran orang awam, penduduk setempat serta pihak yang berkepentingan terutamanya mengenai sejarah sumber warisan mahupun di tahap persada antarabangsa. Menerusi pengkajian ini, minat generasi pada masa kini dapat ditarik untuk lebih memahami dan menghargai sejarah Muzium serta mengetahui khazanah diraja yang digunakan Raja di pada suatu masa dahulu. Seterusnya, kepentingan pengkajian ini turut dapat membantu para pengkaji atau pelajar yang ingin menjadikan kajian penyelidikan ini sebagai data sokongan untuk memperkuat hujah di dalam kajian mereka berkaitan pemeliharaan *Muzium Diraja Seri Menanti*. Hal ini dapat disimpulkan bahawa kajian penyelidikan ini sangat penting agar dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan kepada penyelidik lain. Kajian penyelidikan turut penting supaya generasi kini lebih mengetahui keadaan *Muzium Diraja Seri Menanti* pada masa kini.

1.8.1 Individu

Kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat sepenuhnya terhadap individu kerana secara tidak langsung individu tersebut memperolehi idea dan maklumat yang hendak dicari yang mana ia mempunyai kaitan dengan tajuk ini. Kajian ini juga membantu pelajar yang memerlukan tentang sejarah dan latar belakang mengenai Muzium Diraja ini. Hal ini dapat membuktikan bahawa pengkaji tersebut telah menjalankan kajian sepenuhnya untuk memperoleh data kerana pada tahap awal pengkaji sendiri tidak mengetahui tentang pembinaan

yang telah dilakukan pada zaman dahulu. Dalam masa yang sama, apabila kajian ini dilakukan, ia secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada individu tentang kewujudan nilai bangunan bersejarah di kawasan ini. Muzium Diraja Negeri Seri Menanti merupakan Istana lama pada suatu ketika dahulu dan perkara ini tidak dapat diketahui orang awam jika mereka tidak membuat tinjauan terhadap Muzium tersebut. Oleh itu, kajian ini akan dapat dijadikan satu cabang ilmu yang luas serta berguna kepada orang ramai.

1.8.2 Masyarakat

Melalui kajian yang telah dijalankan berdasarkan kepada Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan ia membolehkan manfaat dijalankan dari segi ekonomi serta menambahkan pengetahuan umum kepada masyarakat berkenaan dengan potensi kawasan Muzium Diraja Seri Menanti terhadap penduduk sekitar yang dilakukan terhadap muzium yang mana ia bertujuan untuk meningkatkan pelawat datang ke Muzium. Secara tidak langsung, pameran yang dilakukan pada hari ini kurang memuaskan pelawat. Hal ini kerana, berkemungkinan koleksi itu tidak dapat dipegang dan merasai sendiri khazanah diraja itu. Ada pula khazanah yang hanya dijadikan sebagai tontonan sahaja. Keadaan ini menyebabkan faktor kurang pelawat datang Ke Muzium. Kesemua khazanah diraja mempunyai nilai sejarah yang tinggi, ia dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi terutamanya dari sektor pelancongan.

1.8.3 Institusi Pengajian

Tesis ini adalah Laporan bagi Projek Akhir yang akan dijalankan oleh pengkaji sebagai sebuah syarat bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Penyelidik berharap melalui terhasilnya tesis ini, pelajar akan mampu mengetahui keistimewaan Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti dalam memiliki nilai sejarah yang jarang diketahui oleh masyarakat setempat. Ilmu tentang warisan adalah sebuah perkara yang

penting terutama bagi pelajar bidang Pengajian Warisan kerana mereka merupakan generasi yang bertanggungjawab untuk memulihara dan memelihara bangunan sejarah seperti Muzium Diraja tinggalan sejarah tersebut. Tambahan pula, projek penyelidikan ini juga boleh dijadikan rujukan kepada orang ramai yang ingin mengetahui dan mendalami mengenai kepentingan nilai warisan bagi Muzium Diraja Seri Menanti. Kajian ini memberikan kepentingan kepada pelajar yang ingin menjalankan kajian dengan mudah melalui hasil kajian yang telah dilakukan sendiri oleh pengkaji. Segala data akan dimasukkan sedikit sebanyak membantu pelajar lain dalam memperolehi maklumat. Manakala, maklumat yang hendak disampaikan itu perlulah jelas dan betul berdasarkan kepada kajian lapangan oleh pengkaji. Selain itu juga, ia boleh digunakan pada masa hadapan jika diperlukan oleh para pelajar dalam menjalankan kajian mereka.

1.8.4 Pelancongan

Bangunan bersejarah mempunyai potensi dijadikan sebagai produk pelancongan sekiranya dipelihara dan dipulihara asalnya. Keunikan seni bina Muzium Diraja Seri Menanti berupaya menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke Negeri Sembilan bagi melihat sendiri nilai warisan yang terdapat pada gabungan pengaruh seni bina lama ini. Dalam hal ini, sememangnya sukar untuk kita menjumpai muzium yang dibina pada zaman silam yang mempunyai pengaruh seni bina tempatan dan masih kekal utuh pada hari ini. Diharapkan dengan projek penyelidikan ini, Muzium Diraja Istana Seri Menanti mampu menjadi sebuah tempat yang ingin dikunjungi oleh pelancong. Bahkan bukan sahaja sector pelancongan akan ditingkatkan malahan pendapatan negara juga mampu dilipat gandakan. Hal ini sekali gus mampu membantu dalam pembangunan negara. Selain itu, pendedahan mengenai warisan pengaruh seni bina Istana Muzium Diraja Seri Menanti turut dapat dilaksanakan sekali gus menaikkan nama negara di dalam bidang pemuziuman dan seni bina. Sebelum aktiviti pelancongan dijalankan di kawasan ini, tujuan pelancong perlu membuat kajian terdahulu

mengenai tempat yang hendak dituju. Aktiviti pelancongan ini mempunyai banyak kategori seperti pelancong sambil belajar. Sebagai contohnya, apabila pelawat melawat muzium dan mencatat nota maka ia boleh dikategorikan sebagai pelancongan sambil belajar dan banyak lagi.

1.9 Skop Kajian

Pengkajian yang dijalankan adalah mengenai Muzium Diraja Seri Menanti. Justeru kawasan kajian tertumpu di Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Kawasan kajian berada dibahagian tengah Negeri Sembilan antara daerah Bahau serta daerah Seremban. Kajian akan melibatkan aktiviti tinjauan di lokasi Muzium Diraja Seri Menanti seperti di dalam rajah 1.1, rajah 1.2 dan rajah 1.3. Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara lebih terperinci mengenai kajian yang dilakukan iaitu untuk menerangkan sejarah mengenai Muzium Diraja Seri Menanti. Memandangkan khazanah diraja merupakan khazanah penting pada zaman dahulu, Oleh itu, kajian ini akan melibatkan beberapa pegawai yang berada di Muzium Diraja Seri Menanti untuk memperolehi maklumat sahih serta tepat bagi mengenai kajian ini.

Seterusnya, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan kaedah pengurusan di muzium di Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang terdapat dalam muzium tersebut. Pengkaji akan memfokuskan kajian mengenai keistimewaan muzium diraja melalui kajian terhadap khazanah dan pameran yang unik terdapat pada muzium diraja tersebut. Kajian juga adalah untuk mengetahui cadangan penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai digunakan untuk mengekalkan dan memartabatkan Muzium Diraja Seri Menanti di Kuala Pilah yang mana sememangnya patut diberi perhatian daripada terus pupus ditelan zaman akibat tiada tindakan sewajarnya.

Kesimpulannya, pengkaji melihat Muzium Diraja Seri Menanti ini semakin dilupakan kerana kurang diminati masyarakat terutama golongan muda menyebabkan kurang pengetahuan dan pendedahan dalam generasi muda terutama dalam warisan sejarah. Oleh hal

yang demikian, disebabkan Muzium Diraja Seri Menanti yang terdapat di Kuala Pilah ini mempunyai nilai warisan yang tinggi dan mempunyai keistimewaan tersendiri, kajian yang dijalankan mempunyai matlamat iaitu menumpukan kepada keistimewaan yang ada pada muzium diraja tersebut. Disamping itu, kajian juga memfokuskan kepada aktiviti pemeliharaan yang patut dilakukan pada muzium diraja untuk mengelakkan berlakunya kehilangan sebuah warisan yang mempunyai nilai yang tinggi pada masyarakat di Negeri Sembilan terutamanya.

2.0 Struktur Tesis

BAB 1 PENGENALAN

Bab ini memfokuskan berkaitan struktur kajian yang dijalankan. Fokus adalah terhadap kaedah pengurusan muzium di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Manakala, pengkaji akan menerangkan objektif kajian yang akan dijalankan dalam bab ini. Permasalahan yang diperoleh mengenai tajuk pengkajian juga dibincangkan bagi memastikan kajian dilakukan mengikut kepada tujuan dan objektif. Skop kerja juga dinyatakan di dalam pengkajian sebagai panduan supaya kajian yang dilakukan adalah mengikut kepada tujuan sebenar dan tidak terkeluar daripada ruang lingkup penyelidikan. Metodologi pula menunjukkan proses atau perjalanan aktiviti kajian yang dijalankan.

BAB 2 KAEDAH PENGURUSAN MUZIUM

Disini penyelidik telah menggunakan kajian literatur dan teori sebagai rujukan dalam menulis terutama sekali kajian yang berkaitan dengan muzium, pengurusan muzium, keistimewaan muzium dan sebagainya. Dengan adanya beberapa kajian terdahulu, kajian tersebut boleh dijadikan sebagai rujukan serta dapat dijadikan sebagai sebuah penambahan idea baru yang lebih nampak terhadap kajian yang dijalankan. Kajian terdahulu telah membolehkan penyelidik mempertahankan bahawa kajian ini merupakan kajian yang asli tanpa meniru dari

kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini. Penyelidik menggunakan pelbagai rujukan tentang sejarah, keistimewaan muzium melalui sumber rujukan buku terutama perpustakaan, majalah, akhbar dan risalah termasuk rujukan laman sesawang. Dalam bab ini juga turut memberikan tumpuan kepada bagaimanakah kaedah pengurusan yang digunakan oleh pihak muzium. Ia kerana untuk mendapatkan gambaran berkaitan pengurusan muzium dijalankan di muzium secara umum. Selain itu, bab ini juga akan membantu penyelidik untuk melihat kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai di muzium Diraja Seri Menanti.

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

Bab 3 menerangkan tentang kaedah metodologi digunakan oleh pengkaji dalam pengumpulan data mengenai kajian yang dijalankan. Kaedah metodologi yang digunakan adalah sangat penting untuk menjamin kesahihan sesuatu maklumat untuk diletakkan ke dalam kajian. Pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah metodologi seperti kajian lapangan ke Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan seperti di rajah 1.1, rajah 1.2 dan rajah 1.3. Seterusnya, pengkaji menjalankan kaedah pemerhatian kepada *Muzium Diraja Seri Menanti* untuk mengumpul data yang diperlukan. Pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual secara terus dengan *curator* yang bertugas untuk menerangkan mengenai kaedah yang digunakan di dalam Muzium Diraja Seri Menanti serta pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik kepada beberapa penduduk sekitar. Pengkaji turut akan menggunakan beberapa kaedah metodologi lain seperti kajian lepas dan sebagainya.

BAB 4 ANALISIS DATA

Dalam bab 4 pengkaji akan membahaskan secara terperinci mengenai maklumat yang telah diperolehi dari pelbagai kajian lapangan yang telah dilaksanakan. Semua maklumat dan data yang diperolehi dari kajian lapangan ini diolah secara terperinci. Melalui analisis data ini,

pengkaji akan lebih banyak menghuraikan segala maklumat yang mempunyai kaitan dengan objektif kajian bagi menghuraikan secara terperinci.

BAB 5 KESIMPULAN

Melalui bab 5, pengkaji menjelaskan keseluruhan dan terperinci hasil dapatan data kajian yang dilakukan, serta menyatakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan dalam proses kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai pada Muzium Diraja Seri Menanti pada masa akan datang.

1.10 Rumusan bab

Secara keseluruhannya, kajian ataupun penyelidikan ini adalah menyentuh berkaitan bagaimana kaedah pengurusan yang digunakan di Muzium Diraja Seri Menanti agar dapat dikupas atau dikaji yang mana pasti menarik untuk diketahui unsur gabungan yang berlainan. Bagi mendapatkan semua maklumat tersebut, hal ini tidak beberapa lengkap sekiranya tidak mendapatkan kebenaran serta pengetahuan tentang maklumat keberadaan muzium tersebut secara sahnya daripada orang sumber yang betul. Penyelidikan yang dijalankan ini adalah mengenai cadangan penjagaan dan pemeliharaan Muzium Diraja yang terdapat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian ini secara khususnya dijalankan mengikut kaedah kualitatif dan kuantitatif yang telah digariskan bagi mendapatkan hasil dalam bentuk laporan. Setiap objektif kajian yang dijalankan terutama metodologi kajian yang dipilih oleh pengkaji bagi dapat menentukan tentang hala tuju kajian ini sehingga ke akhirnya.

Kajian secara langsung membuka mata masyarakat mengenai warisan Muzium Diraja Seri Menanti yang terkenal pada suatu ketika dahulu mempunyai sebuah integriti serta nilai estetik yang lebih tinggi terutama berkaitan warisan bangsa haruslah diambil dari segi langkah sewajarnya dalam memeliharanya dari tenggelam dek arus permodenan pesat. yang terdapat di

Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kerjasama daripada pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan dalam dan penduduk setempat harus digembleng kerana kita kena sedar muzium banyak mempunyai nilai pada warisan pada masa kini dan sukar lagi ditemui. Sesuatu seni bina sememangnya merupakan sesuatu yang sering berubah dari semasa ke semasa, dan mempunyai risiko yang lebih tinggi dengan binaan pengaruh moden. Oleh itu, langkah sewajarnya perlu dilakukan dalam memelihara khazanah Muzium Diraja Seri Menanti ini daripada tenggelam sejajar dek kemajuan arus kemonodan kini.

BAB 2

PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM

2.1 Pengenalan

Kajian Literatur atau sorotan kajian adalah pernyataan fakta dan dapat menyokong sebuah objektif kajian. Melalui sorotan kajian ini dapat membuktikan bahawasanya teori yang akan digunakan bukanlah rekaan dari semata-mata tetapi berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan terhadap muzium tersebut. Sorotan kajian ini merujuk kepada kajian yang lepas yang dilakukan oleh seseorang untuk digunakan di penyelidikan pengkaji. Menurut Bryman & Bell (2003), sorotan kajian merujuk rujukan yang secara kritikal serta tersusun tentang maklumat dipilih yang ada di dalam perpustakaan dan kajian literatur mengenai topik atau tajuk kajian pengkaji. Sorotan itu mestilah menghuraikan, meringkaskan, menganalisis, mensistesis, menilai dan menjelaskan beberapa kepustakaan yang telah dipilih (Creswell,2005). Dalam sorotan kajian ini, mempunyai beberapa pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian yang berkaitan dengan tajuk. Maklumat kajian ini diperolehi melalui artikel, jurnal, tesis atau pun kenyataan dari seseorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut.

Tujuan kajian ini dibuat adalah mengenai asas teori untuk penyelidik dalam memberikan idea lebih bernas tentang maksud serta hubungan di antara pemboleh ubah (Kamarul,2015). Sorotan kajian lebih menjelaskan tentang status kajian di luar sama ada telah diterokai dan sebaliknya. Biasanya sorotan kajian dilaksanakan melalui bahan rujukan bercetak seperti artikel, buku, jurnal, majalah, tesis, surat khabar atau kenyataan daripada seorang pakar. Di samping daripada bahan bercetak, sorotan kajian boleh dicari melalui mediaelektronik di dalam laman sesawang dan web terutama berkaitan dalam rangkaian internet. Beberapa kajian literatur telah dapat digariskan berkaitan tajuk “Kaedah pengurusan muzium di Kuala Pilah, Negeri Sembilan”.

2.2 Definisi Muzium

Muzium adalah tempat yang digunakan oleh satu badan sebuah organisasi yang mana ia bertujuan untuk memelihara dan memelihara barang lama yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan akan ditonton oleh generasi akan datang. Muzium ini digunakan untuk menyimpan artifak lama yang hampir pupus. Menurut Zuraidah (2012), muzium adalah sebuah bangunan yang menempatkan bahan-bahan sejarah yang digunakan pada sesuatu peristiwa yang betul-betul terjadi pada zaman dahulu. Bahan-bahan sejarah lampau perlu dijadikan sebagai penghayatan kepada generasi muda pada masa kini agar mereka tahu akan pengorbanan orang-orang zaman dahulu. Peristiwa yang berlaku pada masa lampau merupakan sesuatu peristiwa penting bagi membangkitkan kemajuan sesebuah negara tidak kiralah dari segi ekonomi mahupun perpaduan negara. Seni bina sejarah mestilah sentiasa dijaga supaya generasi seterusnya dapat melihat dan menghayatinya. Menurutnya lagi, pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam memastikan sesuatu artifak sejarah di muzium terjaga.

Muzium yang bermaksud penjagaan barangan lama yang telah ditempatkan di sesebuah bangunan lama. Pandangan tersebut telah berubah hingga tahun 1974 apabila kemunculan UNESCO, iaitu dengan Kerjasama Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), yang telah memaklumkan maksud muzium dengan lebih terperinci. Muzium merupakan sebuah institusi yang tidak mengambil keuntungan dalam pengurusannya malahan ia turut memelihara, memelihara, menyelidik serta berkomunikasi dengan masyarakat bagi menunjukkan warisan kemanusiaan serta persekitarannya bagi tujuan pendidikan dan kajian ilmiah daripada pelajar. Muzium telah dianggap sebagai suatu pemegang amanah harta negara yang tidak dapat diganti. Ini berkemungkinan ia telah dijadikan sebagai pusat Pendidikan tidak rasmi. Segala sumber dan artifak yang terdapat di dalam muzium telah banyak menyumbang kepada suatu pemahaman serta mempunyai minat dalam bidang sejarah, seni serta persekitaran semula jadi.

Menurut Willard L.B. (1991), pelawat muzium akan datang Kembali jika mereka mendapat manfaat yang bermaksud bahawa jika masyarakat dapat mengaplikasikan peranan-peranan yang terdapat pada pihak muzium dimana ianya akan memberikan manfaat terhadap proses perkembangan ilmu pengetahuan yang diperoleh ketika melawat muzium serta melihat pameran tidak sama dengan ilmu yang diperoleh di pusat pengajian. Menurut Redzuan Tumin (2004), kod etika professional ICOM yang telah disahkan dalam Mesyuarat Agung ICOM, menjadi rujukan dan panduan oleh kebanyakan institusi muzium di dunia dalam usaha meningkatkan imej dan memantapkan pengurusan muzium untuk dijadikan sebagai pusat pendidikan sejarah negara.

Menurut Abi Sofian Abd Halim (2005), muzium merupakan satu saluran komunikasi sosial yang mempunyai hubungan antara masyarakat dengan penyampai yang memiliki tujuan dan matlamat yang tertentu. Komunikasi yang berbentuk aktiviti-aktiviti yang disertakan dengan ilmu pengetahuan yang didapati sewaktu proses pembelajaran. Pameran komunikasi yang berbentuk tidak langsung kepada pengunjung seperti penerangan melalui foto, objek atau gambar atau video. Pameran kedua berbentuk secara langsung atau penerangan secara lisan dalam memberi huraian tentang perkara secara perbincangan dalam kalangan pengunjung sewaktu pameran.

Selain itu, kita perlulah melihat dari segi perspektif yang lebih luas dalam menyimpan serta mempamerkan artifak di muzium. Pada asalnya, tujuan muzium dibina adalah untuk mendidik masyarakat, memulihara serta memelihara warisan sejarah, budaya dan semula jadi yang mana ia bertujuan untuk pelancongan dan faktor ekonomi sesuatu kawasan. Terdapat juga dasar khusus yang telah melibatkan beberapa fungsi muzium contoh Dasar Pemerolehan Koleksi, Dasar Penyelidikan, Teknik dan Konsep Pameran yang perlu digubal terlebih dahulu dan dapat berfungsi dengan baik sebagai panduan bagi pegawai serta kakitangan muzium. Sebuah muzium juga telah dikendalikan mengikut polisi serta dalaman struktur organisasi yang

telah sesuai dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Pemuliharaan dan pemeliharaan merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam menjalankan aktiviti pengurusan koleksi di muzium. Muzium juga memainkan peranan sebagai Gudang warisan negara kerana tanpa koleksi untuk dipaparkan, muzium tidak akan berfungsi. Jika sebuah muzium mempunyai banyak koleksi ia akan memberikan identiti kepada muzium itu sendiri yang mana akan menyumbang kepada popularitasnya. Museologi terdapat pelbagai aspek yang ada kaitan dan saling membantu, ia bertujuan untuk membangunkan dan menubuhkan sebuah pusat pengumpulan dan juga Pendidikan warisan nasional. Hal ini dapat disimpulkan bahawa, sebuah muzium ini merupakan perantaraan alat penyimpanan warisan peradaban masa lalu sehingga ke hari ini.

Dalam tinjauan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya penjagaan koleksi sejarah supaya ia kekal terpelihara dan tatapan generasi yang akan datang. Malah, kajian yang penyelidik jalankan iaitu tentang pengurusan koleksi bagi pameran di Muzium Diraja Istana Seri Menanti ini yang melibatkan bagaimanakah sesebuah institusi seperti muzium yang terlibat ini menjaga artifak yang ada daripada mengalami kerosakkan serta penyelidik akan meninjau bagaimana penjagaan koleksi yang dibuat di Muzium tersebut.

2.3 Fungsi Muzium

Ainuddin (2015), peranan muzium sangat penting dalam memelihara dan menyelamatkan warisan sejarah kerana muzium merupakan pusat atau gedung khazanah negara yang bertanggungjawab dalam memelihara dan menyimpan pelbagai jenis artifak atau koleksi lampau. Aktiviti yang dijalankan dalam menyelamatkan dan juga memelihara artifak adalah dengan adanya maklumat yang lengkap dan pendokumentasian sebelum dijadikan buku

ataupun diterbitkan untuk disebarkan kepada orang ramai kerana muzium dikatakan sebagai tempat untuk mencari dan mengumpulkan maklumat kepada orang ramai.

Penyebaran maklumat yang benar adalah fungsi utama muzium sebagai tempat pendidikan. Usaha yang dilakukan untuk memelihara warisan sejarah ini dapat membuka mata masyarakat bahawa pentingnya warisan sejarah ini terus dipelihara dan dijadikan tatapan kepada generasi seterusnya. Dalam kajian lepas ini dapat dilihat bahawa pentingnya kewujudan muzium dan juga fungsinya kepada masyarakat dan juga negara dalam menyebarkan dan menyampaikan beberapa ilmu pengetahuan tentang sejarah lampau melalui artifak-artifak yang terus dipelihara dan dipamerkan kepada orang ramai. Menurut Jabatan Muzium Malaysia, muzium kebiasaan telah diberi anggapan daripada masyarakat adalah sebagai tempat yang memegang amanah warisan negara yang sangat bertanggungjawab menjaga koleksi agar setiap koleksi tidak rosak dan musnah. Muzium juga telah memainkan peranan sebagai sebuah institusi pendidikan yang tidak rasmi disebabkan terdapat banyak sumber dan bahan-bahan yang dapat menjelaskan tentang sesuatu koleksi dan memberikan lebih kefahaman kepada masyarakat malah dapat memupuk minat masyarakat dalam bidang sejarah, sains, sastera bahkan menarik minat kepada alam semulajadi. Dalam konteks lainnya, muzium bukan sahaja tempat pendidikan yang tidak rasmi malah muzium juga memainkan peranannya sebagai tempat memelihara dan mengekalkan sesuatu koleksi warisan sejarah, tempat kebudayaan, dan juga pelancongan. Muzium haruslah diuruskan dengan berpandukan dasar-dasar yang ditetapkan. Dalam kajian literatur ini penyelidik dapat mengetahui tentang dasar-dasar yang ada untuk menguruskan sebuah muzium mengikut landasan yang betul dan mencapai matlamat dan misi sesebuah muzium.

2.3.1 Fungsi kepada pelajar

Fungsi Muzium kepada pelajar adalah untuk menyampaikan maklumat yang berguna serta memberikan pendidikan mengenai sesuatu budaya serta sejarah yang mana ia akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan kepada pelajar pada hari ini. Hal ini kerana, banyak program yang telah dirancang serta diaturkan untuk para pelajar. Sebagai seorang pelajar kita perlulah memahami sejarah dahulu kala yang telah berlaku terhadap negara, hal ini dapat mengambil iktibar terhadap pelajar untuk belajar mengenai sejarah supaya ia tidak akan pernah mengalami hal yang sama. Sebagai contohnya, guru perlu memainkan peranan dalam menjalankan bengkel untuk pelajar supaya mereka dapat menghafal peristiwa lepas. Selain itu, penubuhan muzium juga merupakan rujukan dalam bidang Pendidikan yang mana ia dapat menyebarkan maklumat serta Pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Muzium juga bukanlah suatu tempat pameran semata-mata, tetapi ia perlu dimanfaatkan oleh semua pelajar sepenuhnya, dari masa ke semasa.

Selain itu terdapat pembelajaran berdasarkan koleksi, pembelajaran ini merupakan kaedah yang digunakan oleh pelajar di muzium. Hal ini kerana, melalui koleksi yang ada di muzium ia dapat dijadikan pendekatan *Multidisciplinary Collection*. Muzium yang menyimpan koleksi mempunyai sejarah, budaya dan ia telah digunakan secara bersepadu. Melalui pembelajaran pameran, ia dipersembahkan melalui Teknik yang interaktif sama ada ia pameran tetap, sementara, bergerak dan khas. Ilmu pengetahuan akan disampaikan melalui koleksi yang telah dipertontonkan dengan menggunakan teks serta kepsyen yang bersesuaian. Pembelajaran melalui kuliah dan ceramah yang digunakan secara akademik. Kaedah melalui ini dianggap sangat berkesan dalam memberikan pendedahan dalam kalangan pelajar.

Menurut George E. Hein (1998), Pendidikan merupakan faktor yang sangat penting dalam fungsi muzium sejak pengiktirafan pembukaan muzium kepada orang awam. Muzium

merupakan salah satu institusi yang mana ia mampu memberikan Pendidikan sejarah dengan cara yang berkesan memandangkan ia mempunyai pelbagai kaedah serta material yang sesuai digunakan dalam kaedah penyimpanannya. Seperti yang kita tahu, kaedah Pendidikan yang telah diterapkan ini adalah melalui pameran serta himpunan koleksi, hal ini memudahkan aktiviti pemahaman masyarakat melalui identiti serta fasa evolusi yang berlaku terhadap sesebuah tamadun dan masyarakat. Melalui masyarakat moden, muzium telah merencanakan pelbagai proses yang perlu dilancarkan dalam usaha bagi menyampaikan maklumat serta dapat memberikan Pendidikan kepada warganet khususnya kanak-kanak dan masyarakat umum bagi memberitahu bahawa perkembangan yang telah berlaku di sekitar secara perlahan-lahan berubah. Melalui pendekatan ini akan dapat membantu mereka untuk lebih memahami serta menghargai segala sejarah, di samping itu dapat juga memupuk sikap bangga terhadap diri mereka sendiri kerana telah berusaha dan mencapai segala maklumat yang mana ia telah berlaku pada zaman dahulu

Namun demikian, menurut Bandura (1986) dalam teori beliau ada menyatakan bahawa ia perlu menekankan aspek perhubungan rapat di antara persekitaran dengan individu dalam memahami serta mempelajari sesuatu. Persekitaran akan berperanan dalam menjana daya kognitif individu. Melalui kaedah ini ia akan dapat menentukan cara maklumat yang hendak disampaikan itu kekal ataupun sebaliknya. Perkara tersebut juga dapat dilihat bahawa institusi muzium telah banyak membantu dalam mengukuhkan proses P&P yang mana ia telah dijalankan oleh golongan pendidik. Hal ini juga, bagi memastikan proses P&P tersebut perlu berlangsung dengan lancar melalui sesuatu pendekatan yang berbeza.

Menurut George E. Hein (1998), peranan institusi muzium pada masa kini juga telah berubah mengikut pendekatan terhadap pendidikan. Hal ini kerana, muzium bukan hanya sekadar tempat untuk melawat ataupun mengisi masa senggang semata-mata. Namun, pada

masa kini institusi muzium dan pendidikan telah mempunyai hubungan antara satu sama lain melalui skop subjek sejarah yang telah diajar.

Selain itu, terdapat salah satu teknik yang boleh diaplikasikan terhadap muzium yang bertujuan untuk mendidik masyarakat adalah dengan menerusi program pendidikan muzium. Program yang dianjurkan ini perlulah berteraskan kepada pendidikan muzium lazimnya melalui pameran serta aktiviti permuziuman yang telah dilaksanakan. Dengan menggunakan segala bahan pameran yang telah dipamerkan, melalui penggunaan ruang untuk meneroka yang mana ia terdapat di Muzium Negara, serta modul pendidikan yang telah dirangka melalui sesi penerangan, dan mengambil menjalankan aktiviti yang telah dilaksanakan.

2.3.2 Fungsi Kepada Pengunjung di Malaysia

Muzium juga sangat penting kepada masyarakat di Malaysia tidak kira umur. Hal ini kerana, kekerapan pengunjung datang ke muzium sangat penting. Melalui perkara ini setiap muzium yang ada di Malaysia sangat mementingkan kepada kedatangan pelawat. Selain itu juga kepelbagaian koleksi yang ada di muzium dapat dipelajari oleh semua masyarakat, serta ia dapat mengimbas kembali keadaan yang wujud pada suatu ketika dahulu. Bagi mereka yang berada dalam era dahulu mesti ingin melihat sejarah koleksi pakaian, tembikar dan budaya yang wujud pada zaman dahulu. Melalui fungsi muzium kepada pengunjung di Malaysia ia dapat dipelajari pelbagai ilmu serta mendapat maklumat yang berguna pada masa hadapan dan sekarang. Muzium juga menggalakkan perpaduan masyarakat melalui pemahaman serta penghargaan dalam kepelbagaian etnik yang telah wujud di dalam sesebuah masyarakat. Melalui perpaduan yang wujud ia mementingkan kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam pelbagai kaum. Dari sudut perspektif, muzium telah menggalakkan diplomasi budaya yang mana ia melahirkan persefahaman yang baik antara rakyat dan negara.

Selain itu, bangunan bersejarah ini perlulah dikekalkan supaya ia dapat dijadikan sebagai sumber penyelidikan dan pendidikan kepada penduduk setempat. Hal ini kerana, pelbagai ilmu yang akan dapat dipelajari semasa kita mengkaji artifak ataupun sesebuah bangunan lama tersebut yang mana ia mempunyai sejarah dan latar belakang yang baik. Sebagai contohnya, muzium diraja di kedah sangat menarik perhatian masyarakat untuk mengadakan sebarang aktiviti melawat di tempat tersebut. Kebanyakan koleksi berada di situ seperti pelamin dan lain-lain. Di kedah juga terdapat jumpaanya sebuah tapak arkeologi yang mana ia menunjukkan bukti awal ketamadunan awal di negara sejak bertahun lamanya.

Menurut Powell (1994), muzium merupakan warisan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi serta mempunyai nilai tersurat dan tersirat. Hal ini kerana, ia dapat disentuh secara realiti, masyarakat dapat menghayati segala koleksi yang telah dipamerkan. Kesemua sejarah ini sangat bernilai tinggi dan berkaitan antara satu sama lain dan ia juga secara tidak langsung dapat membentuk dari segi alam persekitaran di bandar terutama yang memberikan makna terhadap kepentingan kebudayaan masyarakat.

2.3.3 Fungsi Kepada Pelancong Antarabangsa

Melalui respon pelancong antarabangsa mereka suka melawat di sekitar kawasan pantai yang cantik untuk melihat keindahan alam. Hal ini kerana, pelancongan antarabangsa telah mempunyai maklumat serta pengetahuan sejarah terhadap sesuatu kawasan. Mereka mendapat maklumat melalui brosur, iklan dan media elektronik. Setiap pelancong asing mempunyai minat dan daya tarikan yang tersendiri dalam memahami serta melihat segala warisan sejarah semulajadi yang telah dibangunkan kembali dan dijadikan sebagai Kawasan pelancongan. Kemasukan pelancong asing di Malaysia juga dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi dalam bidang permuseuman. Ada juga ahli arkeologi daripada luar ingin mengkaji

sesuatu perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian mereka. Artifak sejarah yang hendak dikaji ada di Malaysia dan mereka akan datang ke negara ini.

Bagi mereka sesuatu kajian yang hendak dijalankan itu sangat penting dan terpaksa memakan masa. Hal ini menyebabkan mereka datang ke sini untuk menjalankan kajian. Aktiviti ekskavasi juga turut dijalankan untuk mendapatkan artifak lama serta dipamerkan di muzium. Kajian-kajian seperti ini kerap dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang bermakna. Dari segi kepuasan pelancong pula, pengalaman mereka telah menyebabkan hasil kepuasan yang sangat berpuas hati hasil daripada lawatan yang telah dijalankan di Muzium Diraja. Menurut Pizam, Neuman dan Reichel (1978), telah memetik dalam artikel Truong dan Foster (2006), mendefinisikan bahawa tahap kepuasan pelancong merupakan hasil keputusan melalui perbandingan antara pengalaman pelancong di suatu kawasan serta jangka masa di kawasan pelancongan tersebut.

Dari sudut pelancongan, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan serta koleksi lama boleh dianggap sebagai salah satu punca sektor perindustrian yang mana ia akan menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Warisan sejarah seperti bangunan dan koleksi adalah elemen yang berperanan utama dalam pembentukan aktiviti pelancongan sesebuah di negara, kerana ia dapati dilihat bahawa pada masa kini sesebuah negara menjadi lebih menarik disebabkan adanya papan tanda ataupun artifak warisan yang telah kekal pada masa kini. Bangunan yang lama juga telah dipinda menjadi muzium dan galeri dan sebagainya yang mana ia masih mengekalkan sejarahnya.

2.4 Definisi Pengurusan Koleksi

Menurut Adi (2009), koleksi sesebuah muzium selalunya diperolehi daripada pelbagai kaedah dan cara seperti penyelidikan di lapangan, hadiah atau wakaf, pembelian, wasiat dari individu tertentu, pertubuhan atau keluarga yang telah menamakan muzium sebagai pengamanah objek-objek tertentu. Muzium yang tidak memiliki sebarang koleksi bukanlah dinamakan muzium.

Menurut Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), pengurusan koleksi adalah salah satu kaedah *core business* muzium yang harus dijalankan dengan cara yang sempurna berteraskan piawaian yang telah digariskan. Menurut ICOM (1974), juga prinsip asas pengurusan sesebuah muzium yang berkenaan perlulah memiliki etika dalam menyediakan standard minimum bagi operasi muzium tersebut, seperti menyelenggara dengan cara yang baik, memajukan seluruh aspek muzium dengan baik serta menyediakan perkhidmatan yang sesuai.

Menurut Shakil (2014), dalam kajiannya yang memperlihatkan tentang strategi pengurusan koleksi di sebuah muzium. Kajian ini dilakukan dengan membuat penumpuan kepada kaedah dalam memelihara dan memulihara sesuatu artifak, kaedah perolehan artifak samada pinjaman, hadiah, wasiat dan pelbagai lagi, kaedah penstoran yang dijalankan di sebuah muzium, cara pengurusan artifak tersebut dan juga cara untuk menjaga keselamatan sesuatu artifak yang diperolehi supaya tidak rosak dan dapat melindungi dari segala punca yang boleh menyebabkan kerosakan sesuatu artifak. Menurutnya lagi, pengekalan terhadap nilai warisan yang ada pada setiap artifak yang diuruskan dalam sesebuah muzium dapat menunjukkan bahawa pengurusan artifak yang dijalankan adalah betul dan telah mengikut garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, dasar-dasar pengurusan yang dijalankan dalam sesebuah muzium adalah bertujuan untuk membentuk sebuah pengurusan yang baik dan sistematik. Berdasarkan tinjauan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa pentingnya pengurusan artifak mengikut garis panduan yang betul. Penyelidik akan memastikan Muzium

Diraja Seri Menanti ini menjalankan pengurusan koleksi mengikut garis panduan yang betul agar nilai sesuatu artifak dapat dipelihara dengan baik.

Menurut Anne Fahy (1995), maksud pengurusan koleksi adalah “It is blanket term applied to the physical care and documentation of collection. Because it is so broad, it effectively encompasses a wide range of activities which may at times appear to be disparate”. Menurut Anne Fahy juga, langkah untuk menyediakan polisi pengurusan koleksi yang pertama adalah daripada aspek pengenalan polisi tersebut. Seterusnya adalah menjurus kepada mendefinisikan beberapa perkara yang perlu ada di dalam polisi tersebut. Proses untuk menghasilkan polisi tersebut boleh diteruskan apabila kesemua perkara telah diselesaikan.

Menurut Ambrose, T (1993), terdapat beberapa perkara yang perlu ditekankan dalam menguruskan koleksi iaitu polisi perolehan dan pelupusan, kerja lapangan, pengumpulan dan penyelidikan, sumbangan, pendokumenan koleksi, pembelian dan pinjaman, keselamatan serta risiko dan pemeliharaan. Aspek yang perlu terkandung dalam polisi perolehan adalah seperti objektif dan tujuan muzium, penjadualan polisi, peraturan am untuk pengumpulan mengikut sekatan undang-undang, prosedur perolehan yang termasuk pinjaman serta kawasan pengumpulan.

Menurut Danilov, V.J. (1992) “*Many corporate museum and galleries have collections of artifacts, specimens, artworks, and various historical materials. These collections sometime already exists in the company archives, storerooms, libraries, art collections, and other such places. Other times, it is necessary to develop a collection without such resources*”. Menurut Danilov, V.J. (1992), sesuatu bahan itu perlu direkod dengan berhati-hati walau daripada mana sekalipun ianya ditemukan. Aspek yang perlu dititikberatkan perlu diketahui seperti suhu, pemuliharaan dan pemeliharaan dan penjagaan ketika pameran. Beliau juga ada menyatakan muzium atau galeri yang kecil, individu yang bertanggungjawab adalah pengarah dalam menyelia dan mengumpulkan aspek pengurusan koleksi. Manakala bagi muzium yang lebih

besar, individu yang bertanggungjawab adalah curator yang akan dibantu oleh pendaftar iaitu individu yang bertanggungjawab dalam merekodkan sebarang koleksi dan mengaturkan peminjaman koleksi.

2.5 Prosedur Penjagaan Koleksi

Menurut Zuraidah (2012), dalam kajiannya yang bertajuk ‘prosedur penjagaan koleksi warisan’ menyatakan bahawa koleksi sejarah perlu diberikan penjagaan yang rapi dan mengikut prosedur penjagaan yang betul. Penjagaan artifak yang bersejarah adalah melibatkan akta dan juga kaedah yang telah disediakan supaya sesuatu artifak yang dijaga dapat melalui prosedur penjagaan yang seragam dan yang telah ditetapkan. Bagi mengelakkan sesuatu artifak sukar untuk dicari dan dijumpai, keseragaman merupakan sesuatu perkara yang penting dalam prosedur penjagaan artifak kerana dapat memastikan pendokumentasian bagi sesuatu artifak dapat dilakukan dengan baik. Prosedur penjagaan artifak terdiri daripada beberapa peringkat iaitu yang pertama perolehan dan pengurusan koleksi dimana dapat dilihat perolehan daripada pelbagai cara iaitu pembelian, hadiah, penyelidikan di lapangan, wakaf dan wasiat. Manakala prosedur seterusnya ialah pendaftaran koleksi diikuti dengan penstoran dan penyimpanan koleksi dan yang terakhir konservasi. Mengikut pemerhatian yang dibuat berdasarkan tinjauan kajian ini mendapati bahawa pentingnya prosedur pengurusan koleksi yang seragam. Prosedur yang betul dalam penjagaan koleksi ini perlu dilakukan di dalam mana-mana muzium galeri yang menjaga koleksi dan perlu dipraktikkan dan dimasukkan ke dalam prosedur penjagaan koleksi di Muzium mengikut prosedur pengurusan yang betul.

2.6 Pengertian Warisan

Menurut Yuszaidy Mohd, et al., (2007), maksud warisan ialah sebagai sesuatu yang akan diterima secara turun-temurun bagi seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Setiap perilaku dan kreativiti mereka perlu diterima oleh setiap

masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu. Definisi warisan ini juga disokong seperti yang dinyatakan di dalam Akta Harta Purba, 1976 telah mengatakan bahawa tinggalan turun-temurun sama ada buatan atau semulajadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 di dalam seksyen 67 pula menyatakan bahawa warisan seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Jelaslah disini bahawa warisan merupakan satu peninggalan oleh generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil perbuatan tangan, pemikiran, falsafah dan kreativiti mereka.

2.7 Pemeliharaan

Pemeliharaan (Preservation) adalah termasuk daripada proses konservasi bagi tujuan untuk mengekalkan signifikan warisan sesuatu tapak atau objek bagi memastikan integrity dan kelestarian tidak terganggu. Pemeliharaan didefinisikan sebagai proses pengekalan tapak atau objek pada keadaan asal supaya tidak mengalami kerosakan dari masa ke semasa. Pemeliharaan membawa maksud lebih mendalam lagi dari hanya melihat peranan menjadi sumber tarikan kepada pelancongan. Pengertian sebenarnya adalah berkait rapat dengan pemahaman mengenai kepentingan 'tempat' dalam kehidupan kita. Mengikut Marquis-Kyle et al (1992). Satu-satunya sebab yang penting untuk memelihara tempat adalah kerana tempat itu mengandungi beberapa maklumat-maklumat yang tidak boleh dirakam oleh risalah-risalah, gambar-gambar foto, lukisan, filem atau video. Tidak kira bagaimana cekap sekalipun tempat itu ia boleh digambarkan melalui filem atau bagaimana menariknya ianya diterangkan melalui media-media lain, tidak ada gantinya bagi sesuatu pengalaman yang dirasakan apabila menghayati tempat secara dengan sebenar-benarnya". Dalam pemeliharaan, ia bertumpu kepada Teknik memperlakukan proses kemerosotan, pereputan atau keadaan using sesuatu butiran atau struktur. Selain itu, prosesnya juga merupakan satu cara pembaikan keadaan

struktur untuk menjadikannya selamat dan boleh didiami atau berguna. Dari segi penyelenggaraan, hanya pada kadar yang biasa atau pembaikan kecil yang tidak mengubah rupa atau sejarah.

2.8 Pemeliharaan Koleksi

Menurut Zuraidah (2012), pemeliharaan koleksi adalah satu tanggung jawab penting di dalam sesebuah muzium bagi mengekalkan warisan sejarah agar terus terjamin. Walaupun seperti yang dilihat dalam sesebuah negara yang sudah menghampiri arus pemodenan dalam semua perkara termasuk teknologi, warisan yang ada tidak seharusnya di tinggalkan mahupun dilupakan kerana warisan negara ini dapat memberikan pelbagai kepentingan kepada semua dalam pelbagai cara terutama sekali adalah pembangunan jati diri dalam kalangan masyarakat dan kepada ekonomi negara melalui pelancongan yang dibuat di sesebuah muzium. Pemeliharaan koleksi perlu dilakukan dengan mengikut cara yang betul supaya koleksi tidak rosak disebabkan faktor-faktor kerosakan sesebuah koleksi iaitu faktor persekitaran, suhu, cahaya dan sebagainya. Dalam kajian literatur ini, penyelidik akan mengkaji cara pemeliharaan yang dilakukan pada koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Kelantan. Dalam melihat arus kemodenan ini, koleksi yang terdapat di muzium harus dipelihara dengan sebaik mungkin agar tidak musnah dan rosak.

Menurut Yuszaidy (2013), pemeliharaan merupakan sesuatu proses untuk memberhentikan sesuatu koleksi daripada mengalami kemerosotan lanjut atau kerosakan, keadaan yang usang ataupun reput, dan menyediakan kaedah yang selamat untuk menjaga sesuatu koleksi daripada sesuatu yang boleh menjejaskan keadaan koleksi. Dengan menggunakan kaedah memperlakukan proses pereputan dan kemerosotan ke atas setiap koleksi ini ia dapat mengelakkan koleksi daripada terus berada dalam keadaan yang usang dan mengalami proses deteriorasi. Jangka hayat koleksi juga akan lebih terjamin sekiranya

pemeliharaan koleksi dilakukan dengan baik. Berdasarkan kajian literatur ini penyelidik mendapat sedikit maklumat berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk melambatkan proses penyusutan sesuatu koleksi. Kritikan pada kajian ini adalah penyelidik kajian terdahulu ini tidak menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk pemeliharaan koleksi.

2.9 Muzium Istana Lama Seri Menanti

Bahagian ini membincangkan mengenai kajian-kajian lepas mengenai kaedah pemeliharaan *Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti*. Kajian tersebut dibuat supaya pengkaji dapat mengenalpasti kritikan yang sedia ada mengenai topik yang diketengahkan dan mengetahui jurang yang terdapat dengan kajian penyelidikan semasa (Ummi Adibah, 2019) Pengkaji telah menjalankan beberapa kajian lepas dengan merujuk beberapa sumber seperti maklumat-maklumat yang terdapat di dalam akhbar, sumber buku, dan jurnal-jurnal penyelidik terdahulu mengenai tajuk kajian yang ditetapkan.

2.10 Rumusan Bab

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah dokumentasi yang diperlukan dalam melangkaui bab kajian yang seterusnya. Kajian literatur yang dibuat untuk kajian dan penyelidikan ini diharap mampu menjadi penanda aras terhadap meneghadkan permasalahan kajian serta menjadi rangka kepada prosedur-prosedur metodologikal yang boleh digunakan untuk pengumpulan maklumat. Hal ini seterusnya, menjadi asas penyelidik untuk menganalisis dan mempelajari berkaitan tajuk kajian yang ingin dirungkai pada masa kini dengan melihat kajian literatur penyelidik lain pada masa sebelum ini.

Dengan membuat sorotan kajian ini, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan serta dapatan kajian daripada kajian lepas dengan lebih jelas. Dari segi permasalahan kajian yang dihadapi, sorotan kajian ini mampu menjadi pengumpul maklumat

yang pelbagai berkenaan permasalahan yang ingin dikaji. Hal ini kerana melalui sorotan kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti samada permasalahan yang ingin dikaji telah dijalankan oleh penyelidik lain atau mengembangkan idea pengkaji berkaitan permasalahan yang berlaku terhadap kajian.




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah suatu kaedah atau cara untuk memperoleh maklumat mengenai sesuatu kajian penyelidikan. Kaedah-kaedah tersebut dilakukan untuk mencapai objektif serta menjamin kesahihan sesuatu maklumat yang diperoleh supaya dapat menyoking fakta dalam kajian. Penyelidikan yang baik adalah satu kegiatan pengumpulan atau analisis data yang dibuat secara cekap dan sistematik (Azhar, 2006) Semua kajian penyelidikan yang dibuat memerlukan metodologi untuk mendapatkan hasil dapatan kajian mereka. Bab ini akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji seperti kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pemerhatian. Kaedah tersebut dibuat supaya pengkaji dapat memperoleh maklumat atau data-data yang lengkap untuk dianalisis.

3.2 Metodologi Kajian



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Rajah 3.1 menunjukkan carta alir bagi metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi mengutip data kajian. data-data kajian yang dikumpul bagi menjawab kepada objektif kajian penyelidikan pengkaji. Menerusi carta alir yang telah dinyatakan di atas, pengkaji menggunakan satu kaedah kajian sahaja iaitu kaedah kualitatif. Menurut Lexy (2007), kaedah kualitatif merujuk kepada cara-cara penyelidikan untuk menghasilkan data gambaran yang

boleh diteliti atau diperhatikan. Kaedah ini dilakukan untuk mendapat maklumat data yang lengkap dari segi temubual, cara pemerhatian, dan sebagainya. Selain itu, menurut Holloway (1997), menyatakan bahawa kajian kualitatif adalah suatu bentuk berdasarkan kepada pertanyaan secara sosial yang mana ia memfokuskan kepada cara seseorang meninterpretasikan terhadap logical melalui pengalaman mereka di persekitaran mereka. Menurut Cresswell (1998) proses pengumpulan data adalah mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan tujuan, mengumpul data, merekod data, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data. Pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai data sokongan yang utama dalam menjalankan kajian penyelidikan ini. Kebiasaan, data untuk kajian kualitatif ini akan dikumpul dalam bentuk temu bual atau bentuk video yang dirakamkan. Kaedah ini dikatakan mudah digunakan kerana hanya memerlukan saiz sampel yang kecil.

3.2.1 Data Primer

Data primer merujuk kepada data yang diperoleh secara asli atau sah yang dikumpul untuk menjawab kepada objektif atau persoalan kajian (Rohana Yusof, 2003) Data-data yang diperoleh daripada kaedah temu bual dan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji. Data primer ini akan dikumpul sendiri mengikut fahaman dan kajian yang dibuat oleh pengkaji mengenai objek atau situasi yang dikehendaki. Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer ialah penemuan baru penyelidikan asli, boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan dan merupakan maklumat asal. Menurut Rohana Yusof (2004), data primer adalah data yang muncul dari sumber pertama atau asli. Data primer akan dikumpulkan oleh pengkaji untuk menguji hipotesis dalam kajian yang akan dijalankan dan data primer tidak tersedia dalam bentuk fail. Sumber maklumat yang diperolehi selalunya dicari dan dikumpul melalui kajian lapangan dan eksperimen seperti pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Data primer boleh dikumpul dari individu, kumpulan dan panel pakar yang terbahagi kepada dua kaedah pengumpulan

data secara aktif dan pasif. Pengumpulan data primer secara pasif adalah bersifat terstruktur dan rahsia, terstruktur dan bersifat terbuka, tidak terstruktur dan bersifat rahsia dan tidak berstruktur dan bersifat terbuka. Manakala bagi pengumpulan data primer secara aktif adalah secara wawancara secara langsung dengan responden yang menggunakan dua kaedah iaitu wawancara secara mendalam dan wawancara dengan kelompok terfokus.

Menerusi pengumpulan data primer ini, pengkaji telah menjalankan kaedah temu bual. Temu bual dilakukan kepada *curator* yang berada di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pengkaji akan memilih beberapa kurator untuk mendapatkan maklumat dan menganalisis maklumat yang diperoleh untuk dimasukkan ke dalam analisis data. Pemilihan beberapa kurator dibuat bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kaedah pengurusan muzium dan pengurusan koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja Seri Menanti sepanjang berada di muzium tersebut. Pengumpulan data primer yang seterusnya ialah melalui kaedah pemerhatian.

Pengkaji memilih pemerhatian secara terus atau *direct observation* untuk mendapatkan maklumat melalui apa yang telah dilihat oleh pengkaji sendiri. Jenis pemerhatian ini dipilih supaya pengkaji boleh melihat sendiri gerak kerja sebenar kurator dalam memelihara *Muzium Diraja Seri Menanti*. Pengkaji turut akan membuat beberapa pemerhatian di muzium tersebut untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi.

3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder menunjukkan sebagai sebuah data yang telah dikumpul oleh pengkaji lain (Marican, 2005) Data-data yang digunakan adalah daripada kajian lepas


yang dijalankan oleh pengkaji lain dan masih relevan untuk digunakan untuk menjawab kepada persoalan kajian pada masa kini. Menurut (Zahari Rusdi, 2009) data sekunder merupakan sumber kedua terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan yang bertulis dan ditafsirkan oleh sejarawan. Hal ini kerana data-data tersebut diperoleh daripada kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh penyelidik yang mempunyai pengalaman. Maklumat yang diperoleh juga adalah maklumat yang benar dan sah kerana maklumat yang dikumpul kebiasaannya telah diteliti dengan baik dan disimpan di dalam format elektronik (Ashley, C., n.d.) Antara data sekunder yang boleh digunakan ialah buku, akhbar, laporan formal, dokumen awam, arkib, dan dokumen pentadbiran. Menurut Sabitha Marican (2005), sumber data sekunder terbahagi kepada dua iaitu bentuk tulisan dan pandang dan dengar. Sumber bentuk tulisan adalah jurnal,

Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan data sokongan melalui pembacaan buku-buku, jurnal, akhbar, dan laman sesawang mengenai kajian yang dijalankan. Sebagai contoh, pengkaji mendapatkan maklumat mengenai sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan menerusi portal rasmi muzium tersebut di laman web. Maklumat yang diperoleh adalah sah kerana laman sesawang itu adalah hak cipta Lembaga Muzium Negeri Sembilan yang membawa maksud maklumat itu tidak boleh ditambah sesuka hati orang orang lain.

3.3 Carta Alir Proses Kajian

Proses kajian merujuk kepada tindakan yang dilakukan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dan kuantitatif atau salah satu daripadanya di dalam sesebuah kajian penyelidikan. Menurut Kurt Lewin (1947), beliau menyatakan bahawa proses kajian merangkumi pemerhatian, tindakan, dan pencarian fakta mengenai hasil tindakan. Pengkaji telah menghasilkan carta alir proses kajian supaya kerja kajian penyelidikan dibuat secara

sistematik dan lebih teratur. Jadual dan masa pengkaji akan menjadi lebih tersusun dan sebarang masalah dapat dielakkan kerana pengkaji dapat mengetahui dengan terperinci bahagian yang ingin dibaiki. Rajah di bawah menunjukkan carta alir proses kajian yang dibuat oleh pengkaji.




Rajah 3.2: Carta Alir Proses Kajian

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data merujuk kepada gabungan data yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Antara kaedah pengumpulan data yang pengkaji gunakan ialah temu bual, pemerhatian, sumber primer, dan sumber sekunder. Menurut Idris Awang (2001), data-data yang diperolehi adalah data yang mempunyai maklumat dalam bentuk fakta dan persepsi yang dikumpulkan untuk digabungkan di dalam analisis kajian. Seseorang penyelidik perlu mengikuti dengan betul prosedur-prosedur yang ditentukan supaya dapat memperoleh data kajian untuk membantu menghasilkan hasil kajian yang relevan dan bernilai sesuai dengan tema kajian penyelidikan yang telah ditetapkan (Abdul Rashid Moten, 1998) Berikut merupakan kaedah pengumpulan data yang pengkaji lakukan untuk memperoleh maklumat atau data-data yang sah dan tepat

3.4.1 Instrumen Kajian



Rajah 3.3: Carta Alir Instrumen Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai instrumen kajian seperti yang dinyatakan pada rajah 3.3. Terdapat dua instrumen kajian yang sesuai digunakan untuk menjawab kepada objektif kajian iaitu kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian.

3.4.1.1 Temu Bual

Menurut Creswell (2012), temu bual akan dilakukan di dalam kaedah kualitatif dan perkara ini berlaku apabila pengkaji atau seseorang menanyakan soalan kepada satu atau lebih responden, mencatat jawapan mereka, dan bertanyakan soalan terbuka. Sesi temu bual itu diadakan bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh pengkaji untuk menjawab objektif kajian. Pengkaji turut boleh menggunakan alat pita rakaman untuk membolehkan penyampaian sesuatu maklumat berjaya diterima dengan lebih konsisten. Temu bual perlu dilakukan disebabkan manusia tidak mampu untuk menjelaskan sesuatu perkara hanya menerusi pemerhatian perlakuan, perasaan, atau mentafsir sesuatu benda dan sebagainya. Segala bentuk temu bual akan ditentukan oleh persoalan kajian dan perkembangan kajian (Othman, 2009)

Bagi menyelesaikan masalah kesalahan pada kaedah kualitatif terutamanya kaedah temu bual ialah dengan menggunakan teknik *morale ballot* (Campell, 1955) *Morale Ballot* merujuk kepada penggunaan informan iaitu individu yang memberikan jawapan kepada persoalan atau dikenali sebagai responden sebagai alat kajian untuk mendapatkan kesahan data dengan cara membuat perbandingan antara dua garisan informan melalui beberapa pengertian maksud yang sama.


Terdapat beberapa langkah yang boleh dilakukan untuk mendapatkan temu bual yang berkesan dan berjaya (Creswell, 2012) iaitu

- i. Mengetahui dan mengenal pasti responden yang ingin di temu bual terlebih dahulu.
- ii. Menentukan bentuk temu bual yang akan dilakukan sama ada berstruktur atau tidak berstruktur supaya persediaan dapat dilakukan dengan baik.
- iii. Merakam segala perbincangan yang dibuat semasa temu bual dijalankan.

- iv. Pengkaji perlu membuat nota atau catatan ringkas semasa temu bual.
- v. Pemilihan tempat temu bual yang sesuai dan selesa.
- vi. Memaklumkan kepada responden mengenai objektif dan tujuan kajian sebelum memulakan sesi temu bual.
- vii. Mengadakan sesi temu bual seperti yang dirancang dan soalan yang ditanya adalah fleksibel.
- viii. Menamatkan sesi temu bual dengan professional seperti mengucapkan terima kasih kepada responden.

3.4.1.1.1 Jenis Temu Bual yang Digunakan


Bagi soalan temu bual, pengkaji telah memilih soalan temu bual jenis berstruktur yang membawa maksud soalan diutarakan atau dibuat adalah soalan membolehkan informan memilih jawapan dengan mudah bagi menghasilkan satu set soalan yang mudah dianalisis. Pengkaji turut akan memberi ruang tambahan untuk mengisi maklumat lain jika informan ada memberikan jawapan tambahan lain dan bukan mengikut jenis temu bual tersebut. Seseengah sesi temu bual akan dijalankan menggunakan soalan yang fleksibel dengan menggunakan gabungan temu bual secara berstruktur dan tidak berstruktur (Bell, & Waters, 2014) Tujuan temu bual sebegitu dijalankan supaya maklumat yang dikumpul menjadi lebih tepat dan tidak hanya terikat dengan soalan yang diajukan. Pengkaji telah menjalankan kaedah temu bual bersama *curator* Muzium Diraja Seri Menanti untuk mendapatkan maklumat awal mengenai *Muzium* (Rajah 3.4).



Rajah 3.4: : Temu Bual Bersama Kurator Muzium Diraja Seri Menanti

(Sumber: Dapatan Kajian)


3.4.1.1.2 Proses Temu Bual



Rajah 3.5: Carta Alir Proses Temu Bual

Rajah 3.5 menunjukkan proses temu bual yang akan pengkaji gunakan untuk mengutip data kajian. Temu bual merujuk kepada perbualan antara dua orang atau lebih untuk memperoleh maklumat bagi menjawab kepada persoalan dalam kajian. Pada mulanya, pengkaji akan mengetahui perkara yang ingin diketengahkan iaitu kaedah pengurusan muzium, koleksi serta kaedah pemeliharaan yang dilakukan ke atas *Muzium Diraja*.

Kemudian, pengkaji akan menentukan jenis temu bual berstruktur iaitu pengkaji akan menulis soalan dengan lengkap untuk di temu bual. Seterusnya, pengkaji akan menentukan responden iaitu *curator* yang menjaga di bahagian pengurusan *Muzium Diraja Seri Menanti*. Beberapa responden iaitu kurator akan dipilih untuk menjawab kepada objektif kajian supaya pengumpulan data dapat diperolehi dengan jelas dan tepat. Selanjutnya pengkaji menjalankan temu bual dan mencatat semua data dengan lengkap kemudian data tersebut dimasukkan ke dalam kajian untuk dibuat analisis kajian.



Rajah 3.6: Proses awal berhubung dengan pihak Muzium Diraja Seri Menanti

(Sumber: Dapatan Kajian)

Rajah 3.6 menunjukkan proses awal berhubung dengan pihak Muzium Diraja Seri Menanti. Pengkaji perlu mendapatkan persetujuan daripada ketua pengarah muzium untuk menjalankan temu bual dan pemerhatian di sekitar kawasan pameran *Muzium Diraja*. Hal ini dilakukan untuk melancarkan projek penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji sekaligus menjadi bukti keberadaan pengkaji ke kawasan muzium. Setelah mendapat persetujuan, pengkaji diminta untuk memberi beberapa soalan temu bual kepada pihak muzium supaya mereka bersedia untuk menjawab soalan serta memudahkan urusan semasa melakukan temu bual di muzium.

3.5.1.2 Pemerhatian

Pemerhatian adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk melengkapkan aktiviti pengumpulan data seperti kaedah-kaedah metodologi yang lain. Kaedah pemerhatian ini dilakukan bagi mendapatkan data yang saling melengkapi dengan data yang diperoleh menggunakan kaedah metodologi yang lain. Menurut Merriam (2002), kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang terbaik untuk mengumpul data asli atau awal yang dikenali sebagai *firsthand encounter*. Menerusi pemerhatian yang dijalankan, pengkaji boleh mendapat gambaran awal dan sebenar mengenai perkara yang dilihat tanpa ada maklumat tokoh tambah yang lain.

3.5.1.2.1 Pemerhatian Secara Terus

Pemerhatian secara terus atau *direct observation* adalah pemerhatian yang dilakukan secara langsung dan sebanyak mungkin mengenai sesuatu atau kumpulan yang ingin dikaji dengan teliti. Jenis pemerhatian ini kebiasaannya tidak akan melibatkan informan atau komunikasi dengan manusia. Tujuan pemerhatian ini dilakukan supaya pengkaji dapat melihat dengan terperinci dan memerhatikan gerak kerja sebenar kurator dalam menguruskan *Muzium Diraja* di muzium tersebut. Data-data yang diperoleh menerusi jenis pemerhatian ini adalah tulen dan tidak berpura-pura kerana responden tidak akan menyedari kehadiran pengkaji yang sedang memerhati mereka. Pengkaji memilih jenis pemerhatian ini kerana waktu pengkaji adalah bebas dan fleksibel kerana pemerhatian ini tidak memerlukan sebarang peralatan kecuali nota untuk mencatat, pita rakaman, dan kamera seperti di rajah 3.7, rajah 3.8 dan rajah 3.9.



Rajah 3.7 : Penyelidik berada di papan tanda masuk Muzium Diraja Istana Lama SeriMenanti

(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 4 April 2020).



Rajah 3. 8 : Penyelidik berada di dalam Muzium Istana Diraja Seri Menanti


(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 4 April 2020).



Rajah 3.9 : Penyelidik berada di luar kawasan Muzium Istana Diraja Seri Menanti

(Sumber: Rakaman foto kajian lapangan, 4 April 2020).

3.5.1.2.2 Proses Pemerhatian



Rajah 3.10: Proses Pemerhatian

Rajah diatas menunjukkan kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan untuk merekod data bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji memilih untuk melakukan kaedah pemerhatian secara terus supaya dapat memerhatikan gerak kerja yang dijalankan ke atas *Muzium Diraja Seri Menanti*. Pengkaji akan menggunakan beberapa peralatan seperti buku dan pen, kamera, dan pita rakaman untuk membantu dalam pemerhatian yang dibuat. Peralatan tersebut akan diperlukan semasa proses membuat analisis data dimana pengkaji akan melihat semula maklumat-maklumat tambahan yang pengkaji dapat semasa melakukan kaedah pemerhatian di Muzium Diraja Seri Menanti. Kemudian, pengkaji membuat analisis data bagi menyiapkan kajian penyelidikan.

3.5.1.2.3 Kaedah Analisis Dokumen

Analisis dokumen adalah pecahan bagi kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang telah merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. (Jasmi, K.A,2012) Dokumen adalah sumber paling mudah kerana segala maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk ditipu seperti jurnal tesis dan buku rujukan.

3.5 Analisis Data

Bahagian ini akan dibincangkan mengenai analisis data yang digunakan oleh pengkaji di dalam kajian penyelidikan ini. Analisis data dibuat untuk mengendalikan data supaya lebih sistematik untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian. Bagi

mendapatkan hasil kajian, pengkaji telah melakukan beberapa analisis data. Data yang diperoleh adalah menerusi sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang digunakan, pengkaji memilih kaedah temu bual dan pemerhatian untuk memperoleh data. Bagi kaedah sekunder pula, pengkaji memperoleh data menerusi kajian penyelidikan pengkaji terdahulu, akhbar, jurnal, dan laman sesawang.

Antara jenis analisis data yang digunakan oleh pengkaji ialah analisis induktif. Analisis induktif ini membawa maksud bahan atau maklumat yang diperoleh penyelidik digunakan untuk mengembangkan teori dan mengenalpasti tema menerusi dokumen, bahan cetak, lisan, dan sebagainya. Dalam pendekatan induktif ini, pengkaji tidak akan mengetahui hipotesis atau rumusan sesuatu kajian sehingga penyelidikan yang dilakukannya berakhir dengan sempurna. Menurut Neuman (2006), menyatakan bahawa analisis induktif ini diperoleh melalui pemerhatian secara terperinci dalam situasi yang umum dan hasil kajian dapat digubal pada peringkat akhir kajian penyelidikan. Rajah 3.11 menunjukkan kaedah analisis data yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian penyelidikannya.

Objektif Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Mengetahui sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Analisis Dokumen dan Temubual
2. Menenalpasti kaedah pengurusan yang digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	Pemerhatian, Temubual
3. Mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai digunakan di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini?	Pemerhatian, Temubual dan Analisis Dokumen

Rajah 3.11: Kaedah Analisis Data

Pengkaji turut memfokuskan terhadap pemilihan responden untuk ditemu bual. Responden tersebut terdiri daripada beberapa kurator yang bekerja di Muzium Diraja Seri Menanti. Tujuan pengkaji memilih beberapa kurator untuk ditemu bual supaya maklumat yang diterima adalah benar dan sahih serta pengkaji boleh membuat analisis sendiri berdasarkan jawapan yang diberikan oleh kurator. Perbualan antara responden dan pengkaji akan dirakam menggunakan alat perakam audio dan ditranskripsikan ke dalam nota lapangan. Rajah 3.12 menunjukkan senarai responden yang terlibat dalam temu bual.

Nama Responden	Jawatan
Encik Nazim	Pengarah Kurator (Unit Tapak Prasejarah)
Puan Mashitah	Ketua Kurator (Unit Pemuziuman Muzium Negeri Sembilan)
Encik Asrul Afendi	Penolong Kurator
Encik Amir	Jurutera Pembangunan Muzium

Rajah 3.12: Senarai Responden Muzium Diraja Seri Menanti

3.6 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini. Pengkaji telah menerangkan mengenai pendekatan kualitatif yang digunakan, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian iaitu temu bual dan pemerhatian, data primer, data sekunder serta analisis data yang dijalankan oleh pengkaji. Akhir sekali, bahagian ini menerangkan mengenai kesimpulan secara ringkas mengenai metodologi kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai analisis data yang diperoleh menerusi instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji mengenai Potensi Muzium Diraja Seri Menanti terhadap pengurusan muzium dan koleksi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang diperoleh adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang dikehendaki antaranya,

- i. Mengetahui sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ii. Mengenalpasti kaedah pengurusan yang digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- iii. Mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai pada Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji mengalami beberapa masalah kecil untuk mendapatkan data kajian. Antaranya ialah pengkaji tidak dapat melihat beberapa koleksi dan pameran barangan diraja yang digunakan oleh pihak Muzium Diraja Seri Menanti untuk memelihara koleksi diraja di *Muzium Diraja Seri Menanti* kerana koleksi diletakkan di Istana Negeri Sembilan. Hal ini disebabkan Muzium Diraja Seri Menanti sedang dinaiktaraf menyebabkan semua barangan serta koleksi diraja dan bahagian dalam muzium ditutup. Kakitangan muzium hanya membuka ruang pameran *di tingkat 1 sahaja* secara khusus untuk tujuan pemerhatian pengkaji sahaja. Masalah kedua yang dihadapi oleh pengkaji adalah pengkaji tidak dapat menerima sejarah awal penubuhan Muzium melalui buku secara saintifik mengenai pemeliharaan *Muzium Diraja Seri Menanti*. Hal ini kerana curator yang bertugas

hanya mengetahui secara umum mengenai sejarah Muzium dan bukan dari segi konservasi yang pernah dilakukan keatas Muzium . Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji telah menemu bual beberapa curator yang lain untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Pengkaji turut mendapatkan maklumat atau data kajian menerusi kaedah kepustakaan, laman sesawang dan pemerhatian di Muzium Negeri Sembilan.

4.2 Analisis Demografi

Bagi menjayakan kajian penyelidikan ini, pengkaji telah melakukan kaedah temu bual kepada beberapa kurator yang bertugas di Muzium Diraja Seri Menanti. Pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu temu bual secara atas talian dan secara dua muka. Pengkaji mengumpul maklumat menggunakan soalan-soalan yang telah direka terlebih dahulu kepada kurator. Penggunaan beberapa pilihan jawapan turut disediakan bagi memudahkan kurator untuk menjawab soalan yang telah diberikan. Pengkaji memfokuskan mengenai sejarah *Muzium Diraja Seri Menanti*,, pengurusan muzium dan pengurusan koleksi yang digunakan, dan kaedah pemeliharaan yang telah dilakukan oleh Muzium Diraja Seri Menanti. Antara kurator yang telah ditemu bual adalah Encik Nizam merupakan pengarah Muzium Diraja Seri Menanti, Encik Asrul Afendi yang merupakan penolong kurator, Encik Amir yang merupakan jurutera pembangunan muzium, dan Puan Mashitah yang merupakan ketua kurator.



Rajah 4.1: Pengkaji Bersama Encik Nazim di Muzium Diraja Seri Menanti

Sumber: Dapatan Kajian

4.3 Sejarah Muzium Diraja Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, istana diraja Melayu tradisional yang paling awal dikenali ialah Istana Barong-Barong yang terletak di Ampang Tinggi (Raja Shahminan,2010). Istana Pulih kemudiannya dibina pada zaman pemerintahan Yamtuan Antah (1875-1888) tetapi telah dibakar oleh tentera British semasa Perang Bukit Putus pada tahun 1875 (Sheppard, 1969). Istana Baroh kemudiannya dibina untuk menggantikan istana istana yang terbakar dan digunakan sebagai istana kediaman kerabat diraja (Raja Shahminan,2010; Saw & Raja Barizan,1991). Pada tahun 1902, Tuanku Muhammad yang merupakan Yang Dipertuan ke-7 Besar Negeri Sembilan mengarahkan pembinaan istana baru di Seri Menanti sebagai istana kediaman baharu (Muhammad,2011). Pembinaan Istana Lama Seri Menanti telah disiapkan melalui kemahiran pakar Tukang Kahar dan Tukang Taib yang merupakan pengukir tempatan Seri Menanti. Tukang kahar dilantik sebagai Tukang Raja seadanya ditugaskan untuk mereka bentuk dan membina sebuah istana kayu untuk Tuanku Muhammad. Istana ini telah siap pada tahun 1908 dengan bantuan Tham Yoong, yang merupakan seorang Kontraktor Cina, dan lukisan itu disediakan oleh Encik Woodford, yang penggubal British dari Jabatan Kerja Raya

(Muhammad, 2011). Sebagai istana kayu tidak didapati lebih daripada dua tingkat tinggi di negeri lain di Malaysia, mungkin ada perkongsian kemahiran dan teknologi untuk Tukang Kahar dan Tukang Tain dapat membina istana kayu yang dirancang secara menegak. Bekemungkinan, ia adalah biasa untuk mencari rumah tradisional Melayu terutamanya yang bangsawan dan pemimpin kaya untuk mempunyai rumah dua atau tiga bertingkat. Oleh itu, adalah munasabah bahawa teknologi dan kemahiran tersedia dalam Negeri Sembilan dengan Tukang tetapi dikembangkan lagi dengan pengaruh orang Cina. Pelukis Inggeris hanya menyediakan lukisan teknikal kepakaran, tetapi pengaruh British boleh didapati dalam peruntukan ruang dalam istana kerana ruang khusus telah disediakan seperti ruang makan, penyambut tetamu dan bilik tidur yang berasingan untuk ahli keluarga. Rajah 4.2 di bawah menggambarkan imej Istana Lama Seri Menanti yang ditinggalkan sebelum bertukar menjadi sebuah muzium.




Rajah 4.2: Istana Lama Seri Menanti sebelum dijadikan Muzium Diraja

(Sumber: https://www.researchgate.net/figure/The-First-Floor-Plan-Shows-Symmetry-and-Balance_fig9_317114998)

Kayu-kayu yang digunakan untuk pembinaan istana dikenali oleh warga tempatan sebagai Penak atau Cengal, dan diambil dari hutan yang berhampiran di Negeri Sembilan. Kajian oleh Saw & Raja Barizan (1991) merancang taburan hutan Cengal di Semenanjung Malaysia termasuklah hutan Cengal di Negeri Sembilan. Rajah 4.3 di bawah menggambarkan hutan

Cengal yang terdapat di Semenanjung Malaysia sambil mengetengahkan secara khusus mereka di Negeri Sembilan.



Rajah 4.3: Taburan *Neobalanocarpus heimii* (Cengal) di Semenanjung Malaysia

(Sumber: https://www.researchgate.net/figure/The-First-Floor-Plan-Shows-Symmetry-and-Balance_fig9_317114998)

Susun atur ruang Istana Lama Seri Menanti dirancang secara menegak sepanjang empat tingkat di mana ruang diasingkan mengikut fungsi. Tingkat bawah istana dikhaskan untuk kakitangan istana dan merupakan domain awam (Abdul Aziz, Remaz Ossen & Idid. 2010). Tingkat pertama di istana merupakan Kawasan separa awam di mana majlis diraja seperti Majlis Menghadap diadakan di serambi di mana pelantar bertingkat khas dibina untuk Yamtuan. Tingkat satu juga merupakan tempat untuk bertemu perwakilan dan membuat saman awam. Lantai ini juga mempunyai empat bilik tidur dan ruang makan, penerimaan tetamu untuk keluarga diraja. Tingkat dua istana dikhususkan untuk keluarga diraja sahaja sebagai tiga bilik tidur yang terletak di tingkat ini. Tingkat tiga dan empat adalah adalah ruang peribadi Yamtuan

sebagai biliknya dan ruangan penyimpanan barangan manakala di tingkat tertinggi untuk harta pusaka keluarga. Rajah 4.4 di bawah menggambarkan pelan menegak Istana Lama Seri Menanti



Rajah 4.4 Pelan Menegak Istana Lama Seri Menanti

(Sumber: https://www.researchgate.net/figure/The-First-Floor-Plan-Shows-Symmetry-and-Balance_fig9_317114998)

Fungsi Istana Lama Seri Menanti kekal sebagai kediaman istana semasa tahun 1908 hingga tahun 1931 apabila sebuah istana baru dibina terletak berhampirannya. Istana Besar Seri ialah binaan batu setinggi dua tingkat dan menjadi istana baru yang didiami keluarga diraja. Selepas Yamtuan telah berpindah ke istana baru, Istana Lama Seri Menanti menjadi tempat kediaman orang lain royalty melawat keluarga Diraja. Pada tahun 1959-1964, istana itu digunakan oleh negeri tempatan sebagai sekolah agama untuk anak-anak tempatan. Tingkat bawah dan tingkat satu istana menjadi tempat untuk kelas agama dan membantu dalam menyebarkan ilmu agama Islam. Pada tahun-tahun kemudian, istana ini telah dipulihara dan ditukar menjadi Muzium

KELANTAN

Diraja pada tahun 1992. Rajah 4.5 di bawah menggambarkan gambar istana yang diambil pada 2015 di mana pemulihan selanjutnya sedang dijalankan.



Rajah 4.5 Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan

(Sumber: Dapatan Kajian)

Penemuan


Dapatan kajian menunjukkan bahawa Istana Lama Seri Menanti dibina dengan kemahiran dan kepakaran Tukang tempatan memandangkan seni bina vernacular di Negeri Sembilan yang didapati mempunyai ketinggian lebih daripada satu tingkat. Oleh itu, pembinaan istana kayu menegak adalah munasabah dengan kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki di Negeri Sembilan dan tidak terdapat di tempat lain di Malaysia. Tambahan pula, kontraktor Cina diupah untuk membantu proses pembinaan. Oleh itu, beberapa pengaruh Cina boleh didapati dalam reka bentuk istana terutamanya di beberapa ukiran kayu yang terdapat pada alang-alang istana. Rajah 4.6 di bawah menggambarkan imej makhluk mitos yang diukir pada alang pintu masuk istana.



Rajah 4.6 Ukiran Kayu Makhluk Mitos di Alang Istana

(Sumber: https://www.researchgate.net/figure/The-First-Floor-Plan-Shows-Symmetry-and-Balance_fig9_317114998)

Reka bentuk istana yang simetri pada pelan dan ketinggian dapat membuktikan wujudnya pengaruh British terhadap ruang istana kerana secara tradisinya seni bina vernacular Melayu tidak simetri dan tidak menyediakan ruang khusus untuk aktiviti tertentu. Seni bina vernacular Melayu biasanya menyediakan ruang pelbagai fungsi dalam bangunan mereka yang boleh digunakan dalam fungsi yang berbeza dan untuk tujuan yang berbeza mengikut keperluan pengguna. Oleh itu, pengasingan ruang dan bilik khusus untuk aktiviti tertentu adalah seperti Barat dan boleh membuktikan kewujudan pengaruh British ke atas istana.



Rajah 4.7: Pelan Tingkat Pertama menunjukkan simetri dan keseimbangan

(Sumber: https://www.researchgate.net/figure/The-First-Floor-Plan-Shows-Symmetry-and-Balance_fig9_317114998)

Kesimpulan

Kesimpulannya, Istana Lama Seri Menanti yang dibina hanya menggunakan kayu tanpa tetulang paku adalah tradisi abad ke-20 yang unik istana diraja melayu. Di Negeri Sembilan, istana diraja Melayu tradisional yang paling awal dikenali ialah Istana Barong-Barong yang terletak di Ampang Tinggi (Raja Shahminan,2010). Istana Baroh kemudiannya dibina untuk menggantikan istana yang terbakar dan digunakan sebagai istana kediaman kerabat diraja (Raja Shahminan, 2010; Saw & Raja Barizan,1991). Pada tahun 1902, Tuanku Muhammad yang merupakan Yang Dipertuan ke-7 Besar Negeri Sembilan mengarahkan pembinaan istana baru di Seri Menanti sebagai istana kediaman baharu (Muhammad,2011). Sebagai istana kayu tidak didapati lebih daripada dua tingkat tinggi di negeri lain di Malaysia, mungkin ada perkongsian kemahiran dan teknologi untuk Tukang Kahar dan Tukang Taib dapat membina istana kayu yang dirancang secara menegak. Kayu-kayu yang digunakan untuk pembinaan istana dikenali oleh warga tempatan sebagai kayu Penak atau Cengal, dan diambil dari hutan yang berhampiran di Negeri Sembilan. Oleh itu, pembinaan istana kayu menegak adalah munasabah dengan kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki di Negeri Sembilan dan tidak terdapat di tempat lain di Malaysia. Reka bentuk istana yang simetri pada pelan dan ketinggian dapat membuktikan wujudnya pengaruh British terhadap ruanga istana kerana secara tradisinya seni bina vernacular Melayu tidak simetri dan tidak menyediakan ruang khusus untuk aktiviti tertentu.

4.4 Kaedah pengurusan yang digunakan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai kaedah pengurusan dan kaedah pengurusan terhadap koleksi yang dilakukan oleh kurator muzium di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Bagi kaedah pengurusan penjagaan koleksi pameran di muzium ini amat dititikberatkan terutama dalam kalangan staf yang terlibat dalam pengurusan di muzium ini. Hal ini demikian kerana, setiap koleksi yang dipamerkan di muzium ini merupakan milik Raja Negeri Sembilan. Di muzium ini terdapat beberapa pengurusan yang strategik dalam menguruskan koleksi yang dipamerkan daripada mengalami kerosakkan atau hilang dari tempat asal. Menurut Encik Nazim selaku pengarah Muzium Diraja Seri Menanti, beliau telah menggunakan empat fungsi pengurusan bagi muzium dan menjaga koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Seri Menanti. Kaedah pengurusan yang telah digunakan adalah

4.4.1 Perancangan (Planning)

4.4.2 Pengorganisasian (Organizing)

4.4.3 Kepimpinan (Leading)

4.4.4 Kawalan (Controlling)

4.4.1 Perancangan (Planning)

Perancangan merupakan proses yang pertama, kerana perancangan merujuk kepada arah organisasi pada masa akan datang dan bagaimana cara untuk mencapai matlamat. Perancangan ini mempunyai tiga tujuan iaitu menetapkan arah yang ingin dituju oleh setiap organisasi, mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi mencapai matlamat dan membuat keputusan dalam aktiviti supaya matlamat tercapai. Oleh itu, Lembaga Muzium Negeri Sembilan sebagai sebuah organisasi yang perlu bertanggungjawab dalam merancang sesuatu

dengan teliti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan untuk pengurusan Muzium Diraja Seri Menanti. Hasil dari temu bual yang dilakukan oleh penyelidik dengan kurator, perancangan yang dinyatakan adalah untuk mengekalkan dan melaksanakan pengurusan yang baik terhadap beberapa koleksi yang dipamerkan. Namun perancangan yang lebih baik akan datang perlu dilaksanakan dari masa ke semasa.

4.4.2 Pengorganisasian (Organizing)

Menurut Sopiah, (2008) menyatakan bahawa dalam pengorganisasian mempunyai reka bentuk organisasi dan struktur organisasi yang sangat penting. Reka bentuk organisasi merupakan sebuah konsep yang urus struktur serta budaya bagi mengawal segala aktiviti untuk mencapai matlamat dalam sesebuah organisasi. Struktur organisasi ini pula ialah sistem yang mengawal bagaimana manusia untuk berkomunikasi dan bekerjasama diantara mereka dalam sebuah organisasi. Dalam pengorganisasian pihak muzium Diraja Seri Menanti telah menetapkan satu sistem yang perlu dipatuhi oleh semua penjaga muzium semasa untuk mengawal dan melihat koleksi yang dipamerkan dari masa ke semasa. Menurut Encik Nazim, beliau telah menetapkan satu konsep yang mudah dan perlu diikuti oleh pegawai yang bertugas untuk melakukan kawalan terhadap koleksi yang dipamerkan di muzium dengan memberikan satu tugas yang berjadual bagi pegawai yang bertugas untuk memastikan koleksi berada dalam keadaan yang selamat dan teratur. Dengan ini, penerapan pengorganisaian ini dalam organisasi mereka dengan pembahagian tugas yang berasingan kepada beberapa bahagian yang telah ditetapkan oleh Muzium Diraja Seri Menanti ini sangat penting dalam menerapkan sikap bertanggungjawab dalam diri pegawai yang bertugas.

4.4.3 Kepimpinan (Leading)

Kepimpinan didalam sesebuah organisasi sangat penting kerana kuasa kepimpinan akan menggambarkan visi, kreativiti dan perubahan dalam sesebuah organisasi (Sopiah, 2008).

Oleh itu kepimpinan ini merujuk kepada pengaruh untuk memotivasikan pekerja di dalam organisasi bagi mencapai matlamat dan gaya kepimpinan ini juga merujuk kepada cara seorang pemimpin dalam mempengaruhi pekerjanya. Oleh itu, terdapat tiga jenis gaya kepimpinan seperti gaya autokratik, gaya demokratik dan gaya 'laissez-faire'. Gaya kepimpinan yang digunakan oleh pihak Muzium Diraja Seri Menanti adalah berbeza kerana mengikut pemimpin di bahagian masing-masing.

4.4.4 Kawalan (Controlling)

Kawalan adalah fungsi keempat di dalam proses pengurusan. Menurut Aldridge dan Edith (2005) menyatakan bahawa kawalan merupakan proses pengukur kemajuan dalam prestasi dan memastikan ianya selari dan selaras dengan objektif pengurus. Oleh itu, kawalan adalah satu usaha sistematik yang berterusan dalam menetapkan piawai-piawai prestasi supaya selari dengan perancangan matlamat, rekabentuk sistem maklumbalas serta dapat mengukur keberkesanan pengawalan prestasi yang telah digunakan oleh pihak Muzium Diraja Seri Menanti. Kawalan ini juga merupakan proses memantau aktiviti supaya perancangan yang dirancang berjalan dengan betul, apabila kawalan tidak longgar akan berlakunya masalah disiplin pekerja dan matlamat yang dirancang oleh sesebuah organisasi tidak akan tercapai.

4.5 Kaedah pengurusan koleksi yang dijalankan oleh Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Secara amnya pengurusan koleksi menyentuh tentang mendokumentasikan koleksi, polisi perolehan dan pelupusan koleksi. Cara dan kaedah pengurusan koleksi yang dijalankan oleh pihak muzium telah menjadi salah satu tanda persoalan yang perlu dijalankan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana, penjelasan dari pihak muzium adalah sangat penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa koleksi yang ada di muzium merupakan koleksi yang berhak dipamerkan supaya masyarakat mengetahui bahawa warisan ini perlu dikekalkan.

Di samping itu, pengurusan koleksi yang dijalankan di Muzium Diraja Seri Menanti tersebut mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan kaedah temu bual yang dijalankan bersama kurator muzium, pengkaji mendapati setiap pengurusan koleksi di Muzium tersebut diuruskan oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Menerusi pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa kurator di Muzium Diraja Seri Menanti telah melakukan konservasi preventif ke atas *Muzium Diraja*. Konservasi preventif dilakukan bertujuan untuk melindungi koleksi serta Muzium Diraja Seri Menanti daripada mengalami kemerosotan yang disebabkan oleh faktor persekitaran. Terdapat beberapa kaedah atau cara yang dilakukan oleh kurator muzium dalam mengekalkan keadaan asal *koleksi diraja Muzium Diraja Seri Menanti*. Kaedah yang dijalankan ialah

4.5.1 Perolehan koleksi

Perolehan koleksi merupakan cara koleksi yang dipamerkan tersebut diperolehi atau bagaimana kaedah perolehan tersebut diperolehi dan dipamerkan. Koleksi yang dipamerkan di muzium Diraja Seri Menanti tersebut diperolehi dengan dua kaedah iaitu melalui pembelian, hadiah dan

derma (Temubual: Zaki, 14 April 2021). Setiap kaedah perolehan koleksi tersebut mempunyai prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Seterusnya, kesemua koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Seri Menanti adalah sebanyak 121 jenis koleksi. Setiap koleksi tersebut mempunyai cara atau kaedah perolehannya tersendiri. Kaedah perolehan koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Seri Menanti adalah melalui dua acara iaitu melalui pembelian dan hadiah (Temubual: Zaki, 2 Mac 2021). Disamping itu, dengan cara pembelian, pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan akan membuat pembelian mengikut tema pameran yang akan dilaksanakan dan koleksi yang belum ada di dalam simpanan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Bagi kaedah perolehan sumbangan, kebiasaanya koleksi yang disumbangkan oleh individu yang mempunyai koleksi untuk dipamerkan di dalam muzium atau disimpan di dalam stor repositori.

4.5.2 Jenis Penstoran yang sesuai

Penstoran adalah salah satu proses penting yang perlu dijalankan dalam pemeliharaan artifak atau sesebuah koleksi. Hal ini bagi memanjangkan jangka hayat artifak serta mengelak daripada mengalami kerosakan yang lebih teruk. Sesetengah koleksi organik memerlukan penjagaan atau penyimpanan yang teliti kerana koleksi sangat sensitif apabila terdedah dengan sinaran cahaya matahari, kecuaiian manusia, makhluk perosak, dan kelembapan. Perkara ini turut boleh terjadi pada koleksi di *Muzium Diraja Seri Menanti* jika tidak disimpan dengan cara yang betul kerana terdapat koleksi yang merupakan bahan organik. Rajah 4.8 di bawah

menunjukkan jenis ruangan pameran yang menempatkan ruangan info membaca kepada pengunjung muzium.



Rajah 4.8: Ruang Pameran Muzium Diraja Seri Menanti

(Sumber: Kajian Lapangan)

4.5.3 Penetapan Suhu Dan Kelembapan Yang Tepat

Penetapan suhu serta kelembapan merupakan kaedah yang paling penting dalam pengurusan koleksi di Muzium Diraja Seri Menanti. Ini juga merupakan kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Seri Menanti dengan menggunakan peralatan kawalan persekitaran. Penggunaan alat ini digunakan mengawal aliran pengudaraan serta dapat mengurangkan faktor kerosakan pada koleksi yang dipamerkan. Dalam pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik di kawasan kajian ini. Penyelidik mendapati hanya peralatan seperti penghawa dingin sahaja yang digunakan untuk pengaliran udara di kawasan pameran koleksi dalam Muzium Diraja Seri Menanti (Rajah 4.8). Menurut Encik Nazim pihak pengurusan muzium diraja seri menanti dalam proses penambahbaikan dalam usaha pemeliharaan koleksi yang ada di muzium diraja seri menanti ini dan bagi memastikan koleksi berada dalam keadaan baik pihak muzium telah membuat jadual dari segi kawalan suhu iaitu dengan menetapkan kunci jam operasi penghawa dingin selama 8 jam. Encik Nazim juga menyatakan beliau

akan menambahkan lagi beberapa alat yang dapat mengawal persekitaran seperti Air Purifier/Ionizer. Menurut Encik Nazim alat ini digunakan bagi memerangkap segala debu dan habuk, ini lebih membantu membersihkan udara di persekitaran pameran. Selain itu, suhu persekitaran umum bagi koleksi yang dipamerkan adalah antara 15°C hingga 25°C. Hal ini kerana menurut Encik Nazim suhu sebegini tidak terlalu rendah serta tidak terlalu tinggi dan sesuai untuk suhu persekitaran pameran.




Rajah 4.9: Penghawa Dingin di Bilik Koleksi barangan Diraja

(Sumber: Kawasan kajian Muzium Diraja Seri Menanti)

4.5.4 Penggunaan Cahaya Yang Minimum

Pencahayaan adalah salah satu faktor yang boleh mengakibatkan kerosakan pada artifak. Terdapat pelbagai ciri-ciri dan tahap pencahayaan yang berbeza wujud di dunia. Menurut Noresah Baharom (2017), cahaya bermaksud pancaran yang datangnya dari objek yang bersinar seperti lampu, matahari, dan api yang membolehkan sesuatu objek di persekitaran dapat dilihat. Jenis dan tahap cahaya yang digunakan keatas barang-barang artifak dapat mengawal dan mendorong kepada berlakunya perubahan keadaan dan sifat fizikal artifak tersebut. Pencahayaan juga adalah sangat penting dalam mempamerkan sesuatu artifak atau koleksi. Setiap pencahayaan yang dipilih dapat memberi kesan serta makna menerusi tatapan masyarakat (Gerry Rachmat & Riana Safitri, 2017) Penggunaan cahaya yang tidak sesuai mampu mengakibatkan berlaku kerosakan kepada artifak yang disimpan. Bagi ruang simpanan artifak, telah terdapat kajian khusus tentang pencahayaan supaya artifak sentiasa kekal terjaga.



Rajah 4.10: Pencahayaan Yang Terdapat Pada Muzium Diraja Seri Menanti

(Sumber: Kajian Lapangan)

Menurut En Zaki menerusi temubual menyatakan bahawa Muzium Diraja Seri Menanti tidak memerlukan sebarang cahaya lampu secara terus ke artifak. Hal ini dari segi pencahayaan pihak muzium tidak menggunakan sepenuhnya dan juga peralatan yang lain memandangkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Hanya cahaya lampu pada sudut bacaan sahaja menjadi penyumbang cahaya kepada pameran yang disediakan. Jenis cahaya lampu yang digunakan adalah lampu optik yang perlu dipancarkan sebanyak kurang 50 *lux* hanya dipancarkan kepada ruangan maklumat supaya tidak mengganggu koleksi artifak lain.

4.6 Cadangan kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai di Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Hasil pemerhatian penyelidik keatas keselamatan koleksi yang dipamerkan. Pihak pengurusan hendaklah diambil berat kerana koleksi yang dipamerkan bersifat pameran terbuka (Rajah 4.9). Oleh itu, penyelidik memberi beberapa cadangan pemeliharaan bagi koleksi yang dipamerkan di Muzium Diraja Seri Menanti ini seperti:

- (a) Memastikan segala koleksi yang akan dipamerkan di kendalikan dengan teratur serta penggunaan teknik pameran yang lebih bersesuaian
- (b) Memastikan semua bahan yang digunakan untuk mempamerkan koleksi seperti board, pita, kertas dan sebagainya menggunakan peralatan bermutu tinggi serta tidak merosakan mana- mana bahagian bangunan atau kawasan koleksi.
- (c) Memastikan keadaan persekitaran ruang pameran mempunyai pendingin hawa dan pengaliran udara yang bersesuaian.
- (d) Meminimumkan pendedahan bahan pameran terutama kepada cahaya serta iluminasi (pantulan cahaya).

Terdapat beberapa cadangan bagi mengawal keselamatan koleksi yang dapat dihuraikan oleh penyelidik dalam pemerhatian yang dilakukan di sekitar kawasan kajian lapangan antaranya:

- (a) Menyediakan sistem kawalan bagi keselamatan koleksi perpustakaan daripada berlakunya kehilangan atau kecuaiian.

(b) Perlu menyediakan alat pencegah kebakaran yang bersesuaian serta mencukupi di ruang penyimpanan atau di sekitar kawasan pameran yang terdiri daripada pelbagai koleksi.



Rajah 4.11: Pameran Koleksi Terbuka

(Sumber: Dapatan Kajian)

Cadangan penjagaan koleksi ini perlu sentiasa diperhatikan oleh pegawai yang bertugas seperti pengawasan terhadap koleksi yang dipamerkan di sekitar muzium. Hal ini kerana untuk memastikan keselamatan koleksi ini terjamin. Untuk kaedah pemeliharaan koleksi yang mengalami proses pengawetan pula, beberapa Langkah cadangan yang telah digariskan sebagai panduan untuk melakukan proses pemuliharaan. Antaranya,

- (a) Membuat pengawasan koleksi dari mengalami sebarang kerosakan.
- (b) Jika berlaku kemerosotan kepada koleksi pihak yang terlibat akan gunakan teknik rawatan yang tidak sampai menjejaskan bentuk asal.
- (c) Menggunakan bahan bebas asid untuk pemuliharaan.

Selain itu, proses penyimpanan bagi koleksi yang dipamerkan juga perlu mengambil kira faktor persekitaran agar koleksi berada dalam keadaan yang baik serta bebas daripada punca kerosakan. Daripada hasil pemerhatian penyelidik hampir lapan puluh peratus (80%) koleksi yang dipamerkan di muzium diraja Seri Menanti terdedah secara terus kepada suhu

persekitaran. hal ini akan menyebabkan koleksi yang dipamerkan akan mudah terjejas dan mengalami kemerosotan (Rajah 4.9). Cadangan lain pemeliharaan yang berkesan kepada koleksi yang dipamerkan hendaklah menggunakan suhu dan kelembapan sesuai dengan jenis bahan yang dipamerkan. Pihak pengurusan muzium hendaklah mengetahui asas dalam meletakkan koleksi pameran yang sesuai dengan keadaan.

Seterusnya, cadangan kaedah untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Seri Menanti ini dengan menunjukkan kepimpinan yang berkesan. Hal ini merujuk kepada pengaruh untuk memotivasi pekerja dalam sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dan gaya kepimpinan ini juga merujuk kepada cara seorang pemimpin mempengaruhi pekerjanya. Dengan kepimpinan yang berkesan mampu untuk mengarahkan para pegawai untuk melakukan kerja yang sesuai dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh komunikasi. Komunikasi antara dua pihak atau lebih untuk membincangkan masalah yang dihadapi di muzium boleh dilakukan secara bersemuka atau lisan antara dua belah pihak. Komunikasi secara media sosial pula iaitu melalui whatsapp, facebook dan email untuk memberi maklumat apabila berlaku kerosakan.

4.7 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bahagian ini menerangkan secara terperinci mengenai sejarah, kaedah pengurusan muzium dan koleksi serta cadangan kaedah pemeliharaan yang sesuai digunakan di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti. Pengkaji telah menunjukkan beberapa kaedah pengurusan muzium dan koleksi yang dilakukan oleh kurator Muzium Diraja Seri Menanti. Sejarah serta cadangan pemeliharaan turut diterangkan secara terperinci yang menjadikan Muzium Diraja Seri Menanti masih utuh sehingga ke hari ini.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini memberikan gambaran menyeluruh bagi mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, rumusan menyeluruh akan dibuat mengenai dapatan hasil kajian bagi ketiga-tiga analisis kajian yang dibuat mengikut kepada objektif yang telah ditetapkan. Dalam bab ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan maklumat yang diperoleh dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Projek penyelidikan yang telah dijalankan ini dapat membantu penyelidik di masa hadapan untuk mencapai objektif dan memperoleh maklumat mengenai Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Memartabatkan Muzium ini memerlukan kerjasama dan usaha yang jitu daripada pelbagai pihak yang mempunyai matlamat yang sama seperti pengkaji dan tidak membawa tujuan untuk mengaut keuntungan komersial semata-mata.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Menerusi kajian yang telah dilakukan, pengkaji menfokuskan tiga objektif kajian untuk menjawab kepada persoalan kajian. Antara objektif kajiannya ialah mengetahui sejarah Muzium Diraja Seri Menanti, mengenalpasti kaedah pengurusan yang dijalankan oleh Muzium Diraja Seri Menanti dan mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan Muzium Diraja Seri Menanti. Pengkaji mengalami masalah kecil untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dibuat berikutan situasi pandemik Covid 19 yang telah melanda di seluruh negara. Muzium Diraja Seri Menanti turut dalam proses pengubahsuaian dan pemulihan sehingga menyebabkan beberapa ruang seperti tingkat 2 hingga tingkat 4 ditutup. Pengkaji hanya

dibenarkan untuk memasuki kawasan pameran membaca sahaja. Justeru itu, pengkaji telah mengambil inisiatif lain untuk melengkapkan objektif yang telah ditentukan di bab empat.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengetahui sejarah Muzium Diraja Seri Menanti

Analisis yang dapat dibuat menerusi objektif pertama ialah pengkaji dapat mengetahui sejarah awal penubuhan Muzium Diraja Seri Menanti. Maklumat tersebut didapati menerusi kaedah temu bual yang dijalankan ke atas beberapa kurator muzium dan beberapa sumber buku. Pengkaji mendapati, Istana Lama Seri Menanti yang dibina hanya menggunakan kayu tanpa tetulang paku adalah tradisi abad ke-20 yang unik istana diraja melayu. Di Negeri Sembilan, istana diraja Melayu tradisional yang paling awal dikenali ialah Istana Barong-Barong yang terletak di Ampang Tinggi (Raja Shahminan,2010). Istana Baroh kemudiannya dibina untuk menggantikan istana yang terbakar dan digunakan sebagai istana kediaman kerabat diraja (Raja Shahminan, 2010; Saw & Raja Barizan,1991). Pada tahun 1902, Tuanku Muhammad yang merupakan Yang Dipertuan ke-7 Besar Negeri Sembilan mengarahkan pembinaan istana baru di Seri Menanti sebagai istana kediaman baharu (Muhammad,2011). Sebagai istana kayu tidak didapati lebih daripada dua tingkat tinggi di negeri lain di Malaysia, mungkin ada perkongsian kemahiran dan teknologi untuk Tukang Kahar dan Tukang Taib dapat membina istana kayu yang dirancang secara menegak. Kayu-kayu yang digunakan untuk pembinaan istana dikenali oleh warga tempatan sebagai kayu Penak atau Cengal, dan diambil dari hutan yang berhampiran di Negeri Sembilan. Oleh itu, pembinaan istana kayu menegak adalah munasabah dengan kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki di Negeri Sembilan dan tidak terdapat di tempat lain di Malaysia. Reka bentuk istana yang simetri pada pelan dan ketinggian dapat membuktikan wujudnya pengaruh

British terhadap ruanga istana kerana secara tradisinya seni bina vernacular Melayu tidak simetri dan tidak menyediakan ruang khusus untuk aktiviti tertentu.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengenalpasti kaedah pengurusan yang dijalankan di Muzium Diraja Seri Menanti

Seterusnya ialah objektif kedua yang menfokuskan mengenai kaedah pengurusan dan koleksi yang dilakukan oleh Muzium Diraja Seri Menanti. Pengkaji mendapati bahawa penetapan suhu dan kelembapan yang sesuai adalah faktor yang paling penting dalam penjagaan koleksi di Muzium. Hal ini kerana suhu dan kelembapan yang ditetapkan adalah sama dengan suhu dan kelembapan yang diperlukan di setiap muzium dan galeri. Penetapan itu untuk melihat koleksi mengalami perubahan ataupun tidak dan telah terbukti koleski tersebut tidak mengalami sebarang kemerosotan sejak disimpan di Muzium Diraja Seri Menanti.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan di Muzium Diraja Seri Menanti

Untuk mencapai objektif ini penyelidik telah turun ke kawasan kajian untuk mendapatkan data tentang kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang terdapat di Muzium Diraja Seri Menanti. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual pegawai semasa yang bertugas di Muzium Diraja Seri Menanti untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang keadaan koleksi yang dipamerkan.

Menganalisis kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di Muzium Diraja Kelantan merupakan objektif yang terakhir bagi penyelidikan yang dijalankan di

muzium diraja seri menanti oleh penyelidik. Bagi menjawab objektif ini penyelidik telah menganalisis cadangan kaedah yang digunakan untuk memelihara koleksi pameran di muzium ini berkesan atau tidak. Dalam pemerhatian yang dibuat kaedah yang digunakan oleh pihak muzium bagi memelihara koleksi yang dipamerkan kurang berkesan kerana tidak menitikberatkan proses pameran yang sesuai. Hal ini kerana, kurang kepakaran dalam menguruskan koleksi untuk pameran yang menyebabkan koleksi terdedah kepada faktor-faktor kerosakkan.

5.3 Cadangan Kajian

Dalam sub topik cadangan kajian ini, ada beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh pengkaji, yang mana cadangan-cadangan ini adalah dianggap dapat membantu dalam proses pengurusan muzium yang lebih baik di masa akan datang. Segala cadangan yang diberikan oleh pengkaji ini adalah sekadar untuk melengkapkan bab 5 dalam projek penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Cadangan turut dibuat untuk memberi idea baru kepada pihak muzium tersebut mengenai penjagaan dan pemeliharaan *Muzium Diraja Seri Menanti*.

5.2.1 Mengemaskini Dan Memperbanyakkan Maklumat Mengenai *Muzium Diraja Seri Menanti*

Pengkaji berharap pihak Muzium Diraja Seri Menanti sentiasa mengemaskini mengenai maklumat berkaitan *Muzium Diraja Seri Menanti* ke dalam laman sesawang mereka. Hal ini supaya pengunjung atau orang awam dapat mengambil maklum mengenai sejarah serta keberadaan *Muzium Diraja Seri Menanti* terutama di Negeri Sembilan sekarang. Pengkaji turut mendapati laman sesawang rasmi galeri tidak dikemaskini dan perkara itu akan membuat pelanggan tidak cakna dengan muzium tersebut. Pengkaji mengetahui kawasan pameran

barangan diraja telah diperbaharui kerana tiada sebarang maklumat baru mengenai Muzium Diraja Seri Menanti di laman sesawang. Pihak Muzium turut boleh sentiasa mempromosikan secara kritikal mengenai muzium dan barangan diraja supaya masyarakat tertarik untuk ke muzium tersebut. Bagi mewujudkan peluang keuntungan kedatangan pelawat adalah dengan menciptakan satu kaedah pameran di atas talian. Hal ini kerana dengan kewujudan teknologi canggih pada masa kini dapat mengubah kehidupan seseorang serta persekitarannya. Dengan adanya maklumat baru itu, masyarakat serta pengkaji akan datang berkemungkinan akan lebih tertarik untuk menjadikan Muzium Diraja Seri Menanti sebagai tajuk kajian mereka. Pengunjung turut dapat pengetahuan dan maklumat baru mengenai Muzium Diraja Seri Menanti.

5.2.2 Mencadangkan menyediakan bilik konservasi

Penyelidik mencadangkan pihak Muzium Diraja Seri Menanti haruslah menyediakan bilik konservasi khas agar kerja-kerja konservasi dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Hal ini adalah supaya kerja pemeliharaan yang akan dilakukan untuk mencuci koleksi atau barangan diraja yang terdapat di Muzium Diraja Seri Menanti dapat dilakukan mengikut masa yang sesuai dan garis panduan yang betul agar sesuatu barangan diraja dahulu dapat dikekalkan keasliannya. Koleksi dan barangan diraja juga perlu diselenggara oleh orang yang betul-betul mahir untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan koleksi atau muzium seperti Kurator Muzium. Dengan adanya, bilik konservasi di Muzium Diraja Seri Menanti ini, pihak muzium tidak perlu memindahkan kesemua koleksi diraja ke Istana dan ia akan lebih menjamin keselamatan koleksi dan barangan diraja untuk bertindak proses konservasi jika berlaku sebarang kerosakkan kepada muzium dan koleksi barangan diraja.

5.2.3 Menggunakan Sistem Komputer

Dalam dunia globalisasi sekarang penggunaan system computer adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, dunia IT sekarang segala maklumat dikeluarkan hanyalah berpandukan computer. Melalui cadangan pengkaji pihak Muzium Istana lama Seri Menanti perlu meletakkan computer di bahagian dalam muzium. Hal ini memudahkan pengunjung untuk mengakses maklumat berkaitan dengan istana dengan lebih terperinci.

Di samping itu, penggunaan sistem komputer di kaunter pertanyaan juga adalah sangat penting. Hal ini kerana, ianya dapat membantu kakitangan untuk membuat pendaftaran pengunjung yang berkunjung ke muzium tersebut. Di samping itu, secara tidak langsung pihak Perbadanan Muzium Negeri Sembilan akan mengetahui jumlah pengunjung yang datang dalam sehari tanpa perlu membuat laporan atau sebaliknya.

5.2.4 Memberi Latihan Kepada Kakitangan

Memberi Latihan kepada kakitangan bukan bermaksud kakitangan muzium tidak mempunyai Latihan atau sebaliknya. Bagi cadangan pengkaji adalah bermaksud memantapkan lagi Latihan berkaitan dengan pengurusan atau penjagaan terhadap koleksi kepada kakitangan. Pemantapan lagi Latihan kepada kakitangan adalah sangat penting dalam sebuah organisasi. Hal ini demikian kerana, dengan adanya kakitangan yang mantap dan mempunyai nilai kerja yang tinggi secara langsung ianya akan menghasilkan sesebuah pekerjaan yang berkualiti samaada secara langsung mahupun tidak langsung.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mengetahui bahawa kakitangan muzium merupakan kakitangan terlatih, malah maksud pengkaji adalah memantapkan lagi Latihan kepada

kakitangan dengan mengadakan kursus atau bengkel. Dengan adanya kakitangan yang terlatih secara tidak langsung akan membangunkan lagi muzium tersebut.

5.2.5 Bekerjasama Dengan Muzium-Muzium Lain

Bagi melahirkan organisasi yang berkualiti tinggi Kerjasama dengan organisasi lain adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana ianya membantu dalam menghasilkan suatu yang lebih baik. Bekerjasama dengan muzium-muzium lain adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapat antara muzium. Hal ini dapat mengukuhkan organisasi tersebut.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan bahawa Muzium Diraja Seri Menanti perlu membuat kerjasama dengan muzium-muzium lain bagi mendapatkan maklumat atau pandangan lebih banyak dan sebagainya,

5.2.6 Memperbahui Prosedur Sedia Ada

Prosedur sedia ada perlu diperbaharui dari masa ke semasa, hal ini kerana ianya merupakan suatu perkara yang sangat berguna dalam sesebuah organisasi. Pengkaji mencadangkan bahawa pihak muzium perlu memperbaharui prosedur terutamanya pengurusan terhadap koleksi.

Prosedur dalam pengurusan koleksi adalah sangat penting bagi organisasi muzium. Hal ini kerana, fokus utama muzium adalah koleksi itu sendiri. Oleh itu, prosedur-prosedur yang telah ditetapkan merupakan prosedur yang berguna kepada sesebuah muzium. Oleh itu, pihak terlibat perlu memperbaharui prosedur tersebut bagi memastikan koleksi dipelihara dengan baik dan sempurna.

5.2.7 Mengetatkan Lagi Kawalan Keselamatan

Kawalan keselamatan di muzium adalah sangat penting bagi memastikan koleksi terselamat dan terpelihara dengan baik. Kawalan keselamatan maksud pengkaji adalah kawalan keselamatan terhadap koleksi dan barang-barang kelengkapan di dalam muzium tersebut. Menurut pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati kawalan keselamatan terhadap Muzium Diraja Seri Menanti agak longgar dan tidaklah begitu ketat.

Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa pihak muzium perlu menjalankan kawalan keselamatan dengan lebih ketat terhadap muzium tersebut. Kawalan keselamatan maksud pengkaji adalah seperti menyediakan CCTV di bahagian dalaman muzium. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kes kecurian koleksi atau sebaliknya. Dengan menyediakan kawalan keselamatan tersebut pengkaji dapat menjamin bahawa koleksi akan selamat dan terpelihara dengan baik dan sempurna.

5.3 Cadangan Keusahawanan

Pengkaji mencadangkan untuk membuat coffee table book berkaitan dengan Muzium Diraja Seri Menanti. Hal ini demikian, masih ramai lagi masyarakat terutamanya masyarakat Negeri Sembilan sendiri tidak mengenali tentang kewujudan Muzium Diraja Seri Menanti. Oleh itu, dengan penubuhan coffee table book pengkaji akan menerbitkan dan menjual kepada syarikat pelancongan atau agensi-agensi pengangkutan pelancongan untuk mereka sebarkan kepada masyarakat.

5.4 Rumusan Bab

Di dalam tesis pengkaji yang bertajuk *Kaedah Pengurusan Muzium Diraja Seri Menanti di Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. Terdapat beberapa perkara yang dapat disimpulkan dalam

kajian ini antaranya berkaitan dengan pengurusan muzium, konservasi yang dijalankan oleh pihak muzium dan jenis koleksi yang dipamerkan di muzium. Kesemua perkara tersebut telah diperoleh pengkaji dengan menjalankan kaedah penyelidikan secara temubual, pemerhatian dan foto. Maklumat tersebut dikumpulkan dan dianalisis untuk dijadikan dapatan kajian.

Namun demikian, pengkaji dapat merungkai segala maklumat yang diperoleh berdasarkan kajian penyelidikan yang dijalankan dengan menemubual informal atau kakitangan muzium yang terlibat. Selain itu, dengan menggunakan kaedah penangkapan gambar dan kaedah pemerhatian pengkaji dapat mengumpul maklumat dengan lebih terperinci bagi menjawab objektif dan persoalan kajian dalam penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

Di samping itu, dalam pengurusan koleksi ini pengkaji bukan sahaja dapat meungkai berkaitan dengan perolehan dan dokumentasi koleksi. Konservasi koleksi juga sangat penting dalam menjaga kelestarian koleksi yang dipamerkan. Di samping itu, jika koleksi dibiarkan begitu sahaja tanpa ada sebarang penjagaan maka lama kelamaan koleksi tersebut akan rosak dan berhabuk. Oleh hal yang demikian, konservasi terhadap koleksi sangatlah penting dalam menjaga kelestarian koleksi.

5.5 Kesimpulan

Sebagai penutup bagi keseluruhan bab, pengkaji sekali lagi ingin menekankan bahawa pengurusan koleksi yang dipamerkan di muzium adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi muzium. Walaubagaimanapun, pengkaji tidak menafikan bahawa pengurusan yang baik adalah melalui kakitangan muzium, pengurusan yang baik adalah melalui prosedur yang telah ditetapkan.

Maka oleh sebab itu, dalam bab penutup ini, pengkaji ada mencadangkan beberapa perkara berkaitan dengan kakitangan, prosedur, kawalan keselamatan dan sebagainya. Dengan merialisasikan cadangan-cadangan tersebut pengkaji yakin bahawa pengurusan muzium akan terpelihara dengan baik dan sempurna serta dapat mengukuhkan lagi institusi Muzium Diraja Seri Menanti tersebut.



RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Pemeliharaan*. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pemeliharaan>

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif

Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah, & Mohammad Ashraf Abdul Rahman. (2011). *Masalah dalam Pemeliharaan Bangunan Warisan di Malaysia*. Dicapai daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/12007074.pdf>

Siti Norlizaiha Harun. (2005). *Amalan kerja pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia*. Dicapai daripada https://www.academia.edu/6038377/Building_Conservation_Practice_in_Malaysia

Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. Dicapai daripada <http://journalarticle.ukm.my/3481/1/bil%25208%2520-%2520topik%25209.pdf>

Portal Malaycivilization. Dicapai pada 14 disember 2020 pada pukul 4.00 pm, Dicapai daripada <http://malaycivilization.blogspot.com/2013/09/kajian-penyelidikan-dan-penelitian.html>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. Dicapai pada 14 disember 2020 pada pukul 4.00pm, Dicapai daripada <https://www.ns.gov.my>

Bandar Diraja Seri Menanti, Portal Rasmi Majlis Daerah Negeri Sembilan. Dicapai pada 14 disember 2020 pada pukul 4.00pm, Dicapai daripada <http://www.mdkp.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/bandar-diraja-seri-menanti>

Jasmi, K. A. (2012) *Metodologi pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diambil Dari http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_-_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

- Creswell, J. W. (2009). *Research Design Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approach*. Diambil daripada [file:///C:/Users/USER/Downloads/ResearchDesignQualitativeQuantitativeandMixedMethodsApproaches3rded%20\(2\).pdf](file:///C:/Users/USER/Downloads/ResearchDesignQualitativeQuantitativeandMixedMethodsApproaches3rded%20(2).pdf)
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diambil daripada https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif
- Museum Definition. (n.d.). Portal Rasmi International Council of Museums. Diambil 27, Februari, 2021 daripada <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>
- Wan Ahmad Jamburi. (2010). *Bab 3 Metodologi Kajian*. Diambil daripada http://studentsrepo.um.edu.my/5265/3/BAB_3.desertasi.pdf
- Cress well, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage
- George. E. Hein. (1998). *Learning in the Museum*. New York: Routledge Taylor & Francis Group. Halaman 7.
- Pizam, Neuman & Reichel, (1978). Dimensions of tourism satisfaction with a destination area. Dalam T.H Truong, & D. Foster, D, 2006. Using HOLSAT to evaluate tourist satisfaction at destinations: The case of Australian holidaymakers in Vietnam, *Tourism Management*, 27, pp.842-855
- Powell (1994). *Survey and Repair of Traditional Buildings: A Conservation and Sustainable Approach*. Donhead Publishing Ltd., Shaftesbury.
- Timothy Ambrose (1993). *Managing New Museum: A Guide To Good*. Great Britain: H.M.Stationery Office.
- Ismail, R (2008). *Managing Refurbishment Projects*, UPENA, Malaysia

Fahy, A. (1995). Collections Management. In A. Fahy, *Collections Management (Leicester Readers in Museum Studies)*.Routledge.

Pustaka, D. B. (2013). Retrieved from Kamus Dewan Edisi Keempat:
<http://ekamus.dbp.gov.my/SinopsisKamus.aspx?tybe=KDE4>

Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) (1974), Panduan Pengurusan Koleksi Yang Sistematik.

Muhammad Ainuddin Mustafa (2015), Tesis Penerimaan Masyarakat Terhadap Institusi Muzium: Kajian Kes di Muzium Negeri.

Nurul Shakil Mohamad Khams (2014), Tesis Strategi Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Sembilan.

Timothy Ambrose (1993), *Museum Basic*.

Farhana suhaimi (2019). Tesis Konservasi Monumen : Pendokumentasian Kubu Kebal Di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan.

Yuszaidy Mohd Yusoff (2013), Tesis Perlindungan harta Warisan: Keberkesanan Usaha

Pemuliharaan dan Pemeliharaan. Zuraidah Hassan (2012), Tesis Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium

Md. Asrul Nasid Masrom & Zulhaida Abdul Kadir. (2020) Cabaran dalam Pemuliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan, Tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Peniagaan dengan kepujian. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, Malaysia. (Tidak diterbitkan). Dicapai daripada <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/download/557/253>

Nurul Shakil Mohamad Khams. (2014) Strategi Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Sembilan, Tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda Filem, Teater dan Animasi. Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor. Malaysia. (Tidak diterbitkan). Dicapai daripada https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/15082/1/PPb_NURUL%20SHAKIL%20MOHAMAD%20KHAMS%20FF%2014_5.pdf

LAMPIRAN BORANG



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI #Our .A02.600-4/7/4 JILID 2 (@)
TARIKH Date) SEPTEMBER 2021

LEMBAGA MUZIUM
NEGERI SEMBILAN,
JALAN SUNGAI UJONG
70200, SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /
TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT 4134). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	NUR ATIKAH BINTI SAID ISMAIL	C18A0603	981222035550	Ijazah Sarjana Muda Pengajar Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

*"RAJA BERDAULAT, RAKYAT IIIIJAFAKAÎ, NEGERI BERBAT"
"PRIHATIIII RAKYAT: DARIJRAT IEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"*

Saya yang menandatangani ini,

PROF. MADYA TS. DR. KHARUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

SOALAN TEMU BUAL BERSAMA ENCIK NAZIM DAN PEGAWAI MUZIUM**SENARAI SOALAN KEPADA INFORMAN**


Persoalaan temu bual bagi ketiga-tiga objektif kajian :

- a) Mengetahui sejarah muzium diraja seri menanti
- b) Mengenalpasti kaedah pengurusan yang digunakan di muzium
- c) Mencadangkan kaedah penjagaan dan pemeliharaan muzium

PERTANYAAN KEPADA EN NAZIM IAITU PENGARAH MUZIUM DIRAJA SERI MENANTI

1. Terangkan sejarah secara ringkas muzium diraja seri menanti.
2. Adakah muzium diraja seri menanti mempunyai organisasi tersendiri?
3. . Bagaimanakah pihak muzium menjaga kaedah pengurusan koleksi muzium?
4. Darimana pihak muzium mendapatkan sumber peruntukan dana bagi menjaga dan melestarikan koleksi yang dipamerkan?
5. Bagaimana pembahagian kerja untuk menjaga keadaan artifak / koleksi yang dipamerkan?
6. . Bagaimanakah pihak muzium memastikan koleksi yang dipamerkan sentiasa dalam Keadaan selamat?
7. . Adakah banyak masalah berlaku terhadap penjagaan dan pengurusan koleksi?
8. . Bagaimanakah cara masyarakat membuat aduan kepada pihak muzium apabila berlaku kerosakan pada koleksi?
9. . Apakah tujuan dan matlamat pihak perbadanan muzium kelantan terhadap Muzium diraja?
10. Apakah perancangan masa hadapan pihak muzium terhadap penjagaan koleksi yang dipamerkan sentiasa dalam keadaan baik ?

PERTANYAAN KEPADA EN ZAKI IAITU PENOLONG KURATOR MUZIUM DIRAJA SERI MENANTI



- 1) Bagaimanakah cara pengurusan yang digunakan di Muzium?
- 2) Apakah cara perolehan koleksi yang digunakan di Muzium?
- 3) Bagaimanakah cara pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak muzium agar muzium dapat dikekalkan keasliannya?
- 4) Apakah kaedah penjagaan dan pemeliharaan yang sesuai digunakan di Muzium Seri Menanti?
- 5) Apakah sejarah penubuhan Muzium Diraja Seri Menanti?

CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN

Tahun/ Semester	Semester Februari 2021				Semester September 2021				2022
Bulan	Mac	April	May	Jun	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan
Aktiviti									
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)									
Draf Awal									
Bab 1 : Pengenalan									
Bab 2 : Kajian Terdahulu									
Bab 3 : Metodologi Kajian									
Penyuntingan									
Pembentangan PP 1									
Pembetulan									
Penghantaran PP 1									
Draf Awal Bab 4 dan Bab 5									
Kumpul dan Analisis Data									
Penulisan dan Semakan Laporan									
Pembentangan Laporan Akhir									
Penyediaan Naskah Berjilid									